# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK NAIM BIN MARJANI
KUDA KEPANG SINAR WARISAN

OLEH:


| | |
|---|---|
| NURUL FETRI BINTI KHAMIS | 2012932807 |
| NOOR AZMAH BINTI MOHAMED ALI | 2012967673 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# ENCIK NAIM BIN MARJANI
# KUDA KEPANG SINAR WARISAN


OLEH:

| | |
|---|---|
| NURUL FETRI BINTI KHAMIS | 2012932807 |
| NOOR AZMAH BINTI MOHAMED ALI | 2012967673 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah SWT pemilik sekalian alam, syukur kehadrat Ilahi kerana dengan taufik dan hidayahNya, telah memberi keizinan untuk kami menyiapkan transkrip wawancara bersam Encik Naim Bin Marjani, ketua kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan. Transkrip ini adalah merupkan tugasan wajib bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604)

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Naim Bin Marjani kerana kesudian beliau berkongsi cerita mengenai latarbelakang, kerjaya, pencapaian dan juga pandangan beliau tentang seni kuda kepang. Terima kasih juga kami ucapkan kerana kesudian beliau menerima dan memberikan peluang kepada kami menemuramah bagi menyiapkan tugasan kami. Tidak lupa juga kepada semua ahli kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan yang telah banyak membantu kami sama ada secara langsung mahupun tidak secara langsung dari segi teknikal atau kemahiran kepada kami sepanjang tempoh wawancara. Segala ilmu pengetahuan yang telah di berikan telah pun kami bukukan sebagai tatapan kepada pembaca dan penyelidik supaya seni kuda kepang ini tidak pupus di telan zaman.

Di samping itu, tidak di lupakan kepada Puan Kamariah Binti Chik, Pensyarah Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604) kerana telah banyak memberi tunjuk ajar kepada kami dari mula sehinggalah kami dapat menyiapkan transkrip ini. Terima kasih tidak terhingga jugak kepada beliau kerana telah banyak membantu kami untuk menghasilkan transkrip yang baik.

Tidak di lupakan juga penghargaan ini kami tujukan kepada kedua ibubapa kami, keluarga dan sahabat kerana selama menyiapkan transkrip ini mereka telah banyak memberi semangat, nasihat dan dorongan serta membantu kami sama ada secara langsung mahupun tidak secara langsung.

Sekian, terima kasih

# ABSTRAK

# ABSTRAK

*Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Naim Marjani mengenai kerjaya beliau dalam bidang kupa kepang. Transkrip temubual ini dijalankan di ruang tamu rumah beliau di KampungSungai Nibong Semerah,Batu Pahat,Johor pada 12 April 2014 bermula pada pukul 1.00 pagi sehingga jam 2.30 pagi. Beliau merupakan salah seorang tokoh kuda kepang yang masih aktif sehingga sekarang di Johor Bharu dan beliau adalah antara 3 kumpulan terbaik di Johor yang mana sentiasa mendapat tumpuan yang mana melibatkan kuda kepang. Beliau juga menubuhkan kumpulan yang dipanggil Kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang mengenai kuda kepang, tarian kuda kepang, pencapaian tokoh dan yang terakhir adalah pendapat dan pandangan beliau mengenai kuda kepang. Secaranya amnya, beliau sangat terkenal di Johor sekiranya berbicara mengenai kuda kepang. Disamping itu juga, beliau turut memberikan serba sedikit pendapatnya bagi memperkasakan bidang kuda kepang ini daripada terus pupus ditelan zaman, terutamanya di Malaysia.*

***Kata kunci**: Naim bin Marjani, Kuda Kepang, Kementerian Kraftangan Malaysia*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN........................................2
ABSTRAK........................................4
ISI KANDUNGAN........................................6
BIODATA TOKOH........................................9
PENGENALAN........................................11
TRANSKRIP........................................14
LAMPIRAN........................................70
LOG WAWANCARA........................................71
SENARAI SOALAN........................................75
GAMBAR........................................83
INDEKS........................................91
SURAT PERJANJIAN........................................93

GAMBAR 1: KETIBAAN DI RUMAH EN. NAIM BIN MARJANI (HARI PERTAMA)................83
GAMBAR 2: PEMBERIAN BUAH TANGAN KEPADA EN. NAIM BIN MARJANI................83
GAMBAR 3: ALAT MUZIK YANG DIGUNAKAN SEMASA PERSEMBAHAN................84
GAMBAR 4: TARIAN KUDA KEPANG................84
GAMBAR 5: KETUA TARIAN MEMEGANG TAKI CEMERTI................85
GAMBAR 6: PENARI YANG DIRASUK MENUNJUKKAN KEHEBATANYA................85
GAMBAR 7: PEMBERIAN PLAK SEBAGAI PENGHARGAAN (HARI KEDUA)................86
GAMBAR 8: GAMBAR KENANGAN BERSAMA ENCIK NAIM BIN MARJANI................86
GAMBAR 9: KERATAN SURAT KHABAR................87
GAMBAR 10: KERATAN SURAT KHABAR................87
GAMBAR 11: SIJIL KRAF WARISAN KUDA KEPANG................88

GAMBAR 12: GAMBAR BERSAMA PERDANA MENTERI KE-4 .................................................. 89

GAMBAR 13: BERSAMA TENGKU MAHKOTA JOHOR .................................................. 89

GAMBAR 14: BICARA TOKOH DAN WARISAN 2007 .................................................. 90

GAMBAR 15: ENCIK NAIM BIN MARJANI BERSAMA KUDA KEPANG .................................. 90

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH

En Naim bin Marjani@Hj Ridzuan'72' merupakan pengarah dan juga ketua di dalam Kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan Sg Nibong Batu Pahat Johor. En Naim mula bergiat dalam tarian kuda kepang ini seawal umur 18 tahun. Hubungan beliau dengan kuda kepang begitu akrab dan sudah menjadi darah dagingnya. En Naim bin Marjani telah dikurniakan tujuh orang anak perempuan hasil perkhawinan dengan Pn Sidah Binti Abdul. Dengan hasil kuda kepang jugalah beliau manampung pembelanjaan keluarga,membeli tanah dan membuat rumah sehinggalah dapat memiliki bengkel dan dapat mengupah pekerja.Beliau yang berketurunan jawa telah mewarisi bakat ayahnya yang juga seorang penari kuda kepang dan pembuat kraf seketika dahulu, berazam untuk meneruskan usaha-usaha kraftangan dan tarian kuda kepang ini agar terus berkekalan dan menjadi warisan kebanggaaan warga Kg Sg Nibong.

Di dalam melakukan kerja-kerja membuat kraftangan,beliau amat mementingkan kekemasan dan penelitian.Bagi beliau penelitian amat penting dalam melakukan kerja-kerja kraftangan bagi menunjukkan tingginya martbat seni orang melayu.Walaupun banyak rintangan dan cabaran yang harus ditempuhi,namun minat yang mendalam dan semangat yang tinggi ingin menjadikan kuda kepang dikenali oleh masyarakat akhirnya membuahkan hasil.Kini, hampir 55 tahun berlalu ,En Naim dapat berbangga dengan kuda kepangnya kerana sudah mampu memiliki bengkel ,pekerja tetap,pekerja sambilan dan bengkelnya juga menerima pelajar pusat pengajian tinggi bagi menjalani latihan praktikal. Kesetiaan terhadap kuda kepang juga berbalas apabila menerima banyak anugerah peringkat daerah,negeri,dan kebangsaan.Paling membanggakan bagi beliau apabila dianugerahkan Tokoh Warisan Johor pada tahun 2008.Walaupun ditenggelami arus kemodenan gaya hidup masyarakat kini, namun En Naim akan terus kekal bersama kuda kepangnya selagi hayat dikandung badan.

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Kuda kepang adalah sejenis tarian tradisi yang dimainkan oleh masyarakat jawa. Tarian kuda kepang mempunyai pengaruh latar belakang Jawa yang jelas, bertepatan dengan sejarahnya yang menyatakan bahawa ia berasal dari Jawa Timur. Kuda kepang dikenali dengan pelbagai nama seperti jaran kepang, kuda lumping, jathilan dan ebeg.Ia dibawa masuk oleh masyarakat Jawa yang berhijrah ke negara ini dan kekal hingga sekarang tanpa banyak pengubahsuaian.

Tarian kuda kepang dicipta oleh Wali Sembilan yang hidup di Tanah Jawa pada abad ke-15 sebagai tarikan dalam usaha mereka menyebarkan syiar Islam di tanah Jawa dalam usaha mengembangkan Islam di kawasan pedalaman di Jawa,Wali Songo menghadapi kesulitan untuk mendekati orang-orang di sana. Beliau mendapat idea untuk menari-nari sambil menunggang kuda.Dalam peralihan waktu, kuda-kuda itu ditukar dengan kulit binatang atau buluh bagi menggantikan kuda sebenar. Menurut Naim Marjani, (pengiat seni kuda kepang) kuda kepang itu mendapat namanya daripada kuda anyaman yang disebut "kepang"jalinan atau anyaman, kuda-kudaan atau kuda tiruan yg dibuat daripada kayu atau yang dianyam utk permainan. Pada awalnya, kuda anyaman yang dikepit di celah kelengkang penari menggunakan daun pandan tetapi kini ada yang diperbuat daripada papan lapis atau kulit lembu.

Kuda kepang juga biasanya hitam dengan bulu tengkuk berwarna kuning dan kebelakangan ini, ada juga yang membalutnya dengan baldu, terutama kumpulan yang kerap membuat persembahan di peringkat lebih tinggi.untuk membuat satu persembahan, antara 20 hingga 25 orang diperlukan.Tempoh sesuatu persembahan bergantung kepada majlis dan suasana semasa berlangsungnya persembahan itu.Sepuluh minit atau empat puluh minit adalah masa bagi persembahan tarian biasa kuda kepang sebagai penyeri sesuatu majlis perkahwinan. Namun,bagi persembahan kuda kepang mabuk,ada yang mendakwa pernah menyaksikan persembahan maraton yang berlarutan sehingga beberapa jam dan pernah juga

berlaku persembahan yang bertahan hanya beberapa minit apabila penunggang kuda berkelakuan liar dan pertunjukan terpaksa dihentikan dengan serta-merta.

Berbeza dengan tarian kuda kepang biasa dimana tarian kuda kepang mabuk terdapatnya beberapa orang penari akan naik syeikh (mabuk) setelah persembahan rasmi tamat. Mereka yang "naik syeikh" ini boleh melakukan gerak geri aneh yang pasti tidak dapat dilakukan dalam keadaan siuman. Umpamanya, melompat setinggi enam atau tujuh kaki, meniti diatas sebatang buluh atau kayu licin, memakan kaca juga mengupas kelapa dengan gigi. Semasa penari-penari sedang "naik syeikh", bunyi-bunyian pengiring penari akan terus dimainkan.

Untuk membuat persembahan, tidaklah boleh diteruskan secara melulu. Ada beberapa perkara yang mesti dipatuhi sebelum memulakan persembahan bagi tujuan keselamatan. Larangan bahawa penonton tarian kuda kepang tidak boleh mengenakan pakaian berwarna merah dan merokok kerana dikhuatiri menyebabkan penari hilang kawalan adalah tidak benar (bagi kumpulan kuda kepang sinar warisan), Namun begitu ianya bergantung kepada beberapa kumpulan kuda kepang kerana setiap kumpulan kuda kepang mempunyai keunikan yang berbeza.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang kehidupan serta kerjaya Encik Naim Bin Marjani sebagai pengiat seni halus Kuda Kepamg dan ketua kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan. Berikut adalah hasil rakaman.

| Petunjuk: |
|---|
| NFK: Nurul Fetri Khamis |
| NM: Naim Marjani |

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**NFK** : Assalamualaikum, Saya Nurul Fetri Binti Khamis dan ni kawan saya Noor Azmah Mohamed Ali, kami dari UiTM Kelantan telah diberi tugasan oleh pensyarah kami mengenai sejarah lisan berkaitan dengan tokoh atau pun sesiapa sahaja yang telah mempunyai banyak pengalaman dan pencapaian dalam bidang tertentu. Oleh itu kami telah memilih En. Naim sebagai tokoh untuk kami mewawancara pada hari ini. Sebelum kita memulakan, untuk pengtahuan En. Naim temuramah ini dibahagikan kepada *lima* [5] sesi iaitu latar belakang, mengenai kuda kepang, tarian kuda kepang, pencapaian dan akhir sekali mengenai pendapat dan pandangan. Jika tidak keberatan bolehlah kita mulakan wawancara kita. Sebelum itu temuramah ini akan di rakam sepenuhnya. Ok, baiklah kita mulakan dengan sesi pertama iaitu berkaitan dengan latar belakang. **Apakah nama penuh pakcik?**

NM : Assalamualaikum w.b.t

**NFK** : Walaikumsalam

NM : Saya orang panggil Pak Naim, setengah daripadanya Embah Naim daripada keturunan orang Jawa. Adik-beradik saya lebih kurang *sebelas* [11] orang. Saya yang ke *sembilan* [9]. (Berdehem)

**NFK** : **Berapa umur pakcik sekarang?**

NM : Umur pakcik sekarang menjangka ke yang ke *tujuh puluh tiga* [73]. (Berdehem)

**NFK** : **Bilakah pakcik dilahirkan dan dimana?**

NM : Lahirkan di Kampung Sungai Nibong tahun *dua belas sebelas empat puluh satu* [12/11/1941].

**NFK** : **Apakah nama bapa dan ibu pakcik?**

NM : Nama *tarim* [Bahasa Jawa] Pak Naim bin Marjani, bapaknya Marjani. Mak saya namanya Ruminah.

**NFK** : **Apakah pekerjaan ibu bapa pakcik? Adakah mereka masih ada lagi?**

NM : Kalau saya dah umur *dah* [sudah] *tujuh puluh tiga* [73] tahun, bapanya *takanlah* [tidak akanlah], mustahil dia hidup lagi. Jadi bapak saya *dah* [sudah] lama meninggal dalam *tiga puluh* [30] tahun lalu. Jadi *bapak* [bapa] saya masa *tu* [itu] orang petani. Bukanya ada kerja tetap, kerja sendiri. Masa itu kerja kebun.

(Berdehem)

NFK : **Boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan tentang kehidupan kanak-kanak pakcik masa *dulu* [dahulu]?**

NM : Kehidupan pakcik ini *pastu* [selepas itu] (Berdehem) zaman tahun *empat puluhan* [40-an] memang susah. Semua masyarakat susah. Nak cari makan, cari duit. Susah. Oleh kerana ekonomi masa *tu* [itu] masih rendah sangat. *Pastukan [Selepas itu kan]* harta bergantung pada hasil getah. Zaman dulu getah itu kira kati. *Satu* [1] kati baru *enam posen* [RM0.50]. Kalau getah sendiri, dapatlah *sepuluh* [10] kati dalam *enam ringgit* [RM6.00] dalam makan, bahagi *dua* [2] sama orang, tinggal pendapatan masa *tu* [itu], *dua* [2] orang *dua ringgit* [RM2.00] *satu* [1] hari untuk menampung anak beranak, adik beradik. Itulah, masa *tu* [itu] kedaifan orang zaman *dulu* [dahulu]. (Berdehem)

NFK : **Dimanakan pendidikan awal pakcik? Pakcik sekolah kat mana dulu?**

NM : Saya sekolah hanya *takat* [setakat] darjah *enam* [6] habis. Masa *tu* [itu] *tada* [tiada] pun lanjutan. Zaman sekarang ada sekolah menengah, ada masuk *U* [universiti]. yang cemerlang masuklah universiti. Zaman dulu darjah *enam* [6] *je* [sahaja] habis sekolah, habislah, berhenti.

NFK : **Dulu pakcik bercita-cita nak jadi apa?** (Bunyi ketukan)

NM : Masa *tu* [itu], *tada* [tiada] wawasan. Masa zaman *dulu* [dahulu] *tada* [tiada]

wawasan. Nak jadi apa. Wawasannya, sekolah *je* [sahaja] penat, berhenti *dah* [sudah] lega. (Ketawa) Asal kata bapak saya, asal tahu baca, *dah* [sudah]. Pandai *ngira* [mengira], *dah* [sudah]. *Lepas* [selepas] *tu* [itu] bijak sikit kalau *tak* [tidak] sekolah, dia balik soal. Dia tanya bahagian matematik. Sekarang matematik. Zaman dahulu ilmu kira-kira atau ilmu hisab. Dia kata dia soalan balik. Tapi masa itu, saya boleh jawaplah. Kalau *dua* [2] campur *dua* [2] berapa?

**NFK** : (Ketawa) **Kira garanglah dulu ayah pakcik?** (Bunyi cicak)

NM : Garang *tak* [tidak] garang. Rasa semulajadi *tu* [itu] orang zaman dahulu memang garang. Saya sendiri, anak-anak pun garang. (Berdehem) Anak-anaknya. Tapi sekarang dengan anak-anak *dah* [sudah] *tak* [tidak] takut pulak. (Ketawa) Anak-anak dah besar-besar. Semua *dah* [sudah] kahwin.

**NFK** : **Ok, seterusnya, apakah nama isteri pakcik?**

NM : Nama isteri pakcik, namanya Sidah binti Abdul

**NFK** : **Isteri pakcik berasal dari mana?**

NM : *Satu* [1] kampung, kampung sebelah-sebelah *je* [sahaja]. ( Berdehem)

**NFK** : **Seterusnya, berapakah bilangan anak pakcik? Berapa lelaki, berapa perempuan?**

NM : Sekarang anak pakcik semuanya sekali perempuan. Sekarang menantu semuanya

*laki-laki* [lelaki].

NFK : (Ketawa) **Kalau anak pakcik semuanya perempuan, ada *tak* [tidak] yang mengikut jejak langkah pakcik dalam bidang seni kuda kepang ini?**

NM : Pasal sekarang ini, anak semuanya sudah kahwin, *dah* [sudah] lupa *dah* [sudah] bidang-bidang seni ini sekarang beliau bertanggungjawap untuk menjaga keluarga. Sudah tiada, sudah tidak ingat langsung bidang seni ini, hanya menyokong sahaja. (Batuk)

NFK : **Ok, seterusnya, bilakah pakcik menceburi bidang kuda kepang ini? Seni kudang kepang ini?**

NM : Menceburi bidang kesenian ini daripada usia pakcik *lapan belas* [18] tahun.

NFK : **Siapa yang mendorong pakcik?**

NM : Mendorong pakcik kawan-kawan saya. Kawan-kawan berkumpul *lapan* [8] orang, bincang-bincang, jadi. *(Berdehem)* Jadilah, pergi menuntut ilmu kuda kepang *(berdehem)*

NFK : **Seterusnya, siapakah yang sentiasa menyokong dan sentiasa bersama pakcik ketika jatuh bangun pakcik sepanjang dalam kerjaya ini?**

NM : Yang menyokong segenap lapisan masyarakat kampung serta, sekarang bergantung kepada jabat-jabatan yang membantu sekarang, Jabatan Kebudayaan,

Majlis Kebudayaan. Kalau daerah, Majlis Kebudayaan. Kalau negeri, Pejabat Kebudayaan. Itulah yang menyokong, memberi rangsangan pada pakcik serta rakan-rakan supaya benda ini dilanjutkan dan diteruskan jangan sampailah pupus.*(Berdehem)*

**NFK : Sebelum anak pakcik semuanya berkahwin, ada *tak* [tidak] dia, macam mana nak cakap, dia terlibat dalam tarian ke?**

NM : Ada jugalah anak-anak pakcik masa itu. Masa *belum* [sebelum] kahwin, ada terlibat juga dengan tarian, minat. Pernahlah dibawa keluar daerah, pergi ke Kuala Lumpur ke mana. Macam *tulah* [itulah].

**NFK : Habis siapa nak mewarisi?**

NM : Setakat *ni* [ini] yang mewarisi mungkinlah bergantung pada rakan-rakan. Kalau keluarga mungkin *tadalah* [tiadalah].

**NFK : Ok, apakah matlamat dan prinsip hidup pakcik?**

NM : Matlamat pakcik pun, matlamat semua orang nak senang. Iye. Nak kaya, *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] kaya-kaya. *(Ketawa).* Itu sahaja. Matlamatnya lah *tapi* [tetapi] belum tercapai-capai lagi nak kaya. Targetnya misi hidup itu *je* [sahaja]. Kais pagi makan pagi, kais petang, makan petang. Kata oranglah, kais ini macam ayamlah, kais-kais

**NFK : Pakcik pernah ditemuramah sebelum *ni* [ini]?**

NM : Pasal temuramah, saya rasa *tak* [tidak] terkiralah berapa sepanjang daripada pelajar-pelajar, daripada jabatan-jabatan, daripada- kadang-kadang pihak *TV* [televisyen], media massa. Itu *je* [sahaja]. Itu yang boleh seluruh Malaysia kenal nama pakcik. Itu yang menyokong daripada - membantu nama pakcik ter--- Seluruh Malaysia boleh kenal.

**NFK : Sebelum pakcik menceburi bidang ini, pekerjaan pakcik selain daripada ini atau sebelum pakcik masuk dalam bidang ini?**

NM : Pekerjaan pakcik sebelum *ni* [ini] adalah sebagai orang kampung, bekerja sendiri *jelah* [sahajalah]. Kadang-kadang kalau *tada* [tiada] kerja, ambil upah, zaman dahululah. Sekaranglah, kata orang legalah sikit hasil walau kebun sekangkang kera [tanah atau kawasan yang tidak luas] pun, adalah, kata orang buat *ngeteh-ngeteh* [minum-minum] *tu* [itu] adalah.

**NFK : Kiranya pakcik ada kebun jugalah?**

NM : Sikit-sikit *je* [sahaja]. Sekadar hidup.

**NFK** : Ok, itu sahaja untuk sesi pertama. Seterusnya untuk sesi kedua mengenai tarian kuda kepang.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: MENGENAI KUDA KEPANG**

**NFK : Sejak bilakah pakcik meminati tarian kuda kepang ini?**

NM : Itulah saya cakap tadi, sejak umur *lapan belas* [18] tahun meminati sampai sekarang menjadi darah daging dah. Darah daging dalam jiwalah. Apabila, *tak* [tidak] boleh dengarlah main kuda kepang, rasa *nak* [hendak] tengok.

**NFK : Sudah berapa tahun pakcik dalam bidang tarian kuda kepang ini?**

NM : Tahun *lima puluh sembilan* [1959] sampai sekarang dalam *dua ribu empat belas* [2014,] kurang lebih *lima puluh empat* [54] tahun.

**NFK : Boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan sedikit tentang tarian kuda kepang? Dari mana asalnya?**

NM : Kuda kepang dibawa daripada nenek-nenek moyang dahulu dari datuk-datuk dari Tanah Jawa. Di Malaysia kebanyakan datang--- orang pun datang dari Tanah Jawa. Jadi, tanah Jawa pun memang terkenal dengan tarian-tarian kuda kepang. Disana dipanggil, "Jarian Kepang" ataupun kalau melayunya. Kalau bahasa Indonesia "Kuda Lompeng" (ketawa) Bahasa jawanya "Jaran Kepang" *(berdehem) (telefon bergetar)*

**NFK : Kiranya tarian kuda kepang [ini] memang bertapak di Johor ataupun ada tempat lain?**

NM : Kalau kuda kepang itu, diseluruh negeri Johor. Memang dah [sudah] sinonim dengan tarian kuda kepang dimana-mana ceruk rantau, dikampung-kampung *ni* [ini]

diseluruh Johor saya rasa hampir-hampir *lima puluh peratus* [50%] di Johor ini.

**NFK : Tempat yang spesifik? Contohnya macam Batu Pahat sahaja? Lain *tada* [tiada]?**

NM : Lain ada. Tapi *tak* [tidak] sehebat Batu Pahat. Banyak kumpulan. Kalau daerah lain, kurang *sikit* [sedikit]. (bunyi kerusi)

**NFK : Seterusnya, siapa yang banyak mendorong pakcik semasa pakcik mula-mula nak masuk bidang tarian kuda kepang?**

NM : Yang mendorong bergantung pada rakan-rakan pakcik. Kawan-kawan mendorong. Semasa itu, orang--- bapa saya *tak* [tidak] berapa kuat sangat. Hanya sekadar tahu *je* [sahaja] tetapi tidak mencegah atau apa--- mencegah atau teruskan main atau apa. *Tada* [Tiada]. Cuma dia diam. Cuma tengok-tengok sahaja.

**NFK : Bukan keturunanlah ini? Bukan - macam mana nak cakap?**

NM : *Tak* [Tidak], bukan keturunan. Daripada sokongan kawan-kawan.

**NFK : Pakcik ada kumpulan ini kan? Kumpulan kuda kepang. Apakah nama dia?**

NM : Sekarang *ni* [ini] nama dia " Kuda Kepang Sinar Warisan"

**NFK : Sinar Warisan? Ada nama lain ke sebelum *ni* [ini]?**

NM : Zaman *dulu* [dahulu], nama kampung. Nama kampung. Hanya kerana nama

kampung. "Kuda Kepang Kampung". Warisan *tu* [itu] belum timbul lagi.

**NFK : Boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan sejarah Kuda Kepang Sinar Warisan. Macam mana boleh terbentuk?**

NM : Sejarah *tu* [itu], kuda kepang--- sejarah hidupnya kuda kepang jatuh bangunnya kuda kepang ini banyak- jatuh bangun.

**NFK : Boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan?**

NM : Jatuh bangun, kadang-kadang, benda-benda yang orang kurang *tak* [tidak] minat, kurang mendapat undangan, jadi kita dengan sendirinya lemah, lemah untuk bergiat dalam tarian. Oleh tidak ada sokongan daripada masyarakat. Masyrakat kurang menjemput membuat persembahan. Benda macam *tu* [itu] akan buat lemah--- jadi, hampir-hampir tutup bukulah, tutup kedai. Oleh kerana kurang sambutan daripada masyrakat. Jadi, oleh kerana pihak pemerintah ini khuatiri benda-benda *ni* [ini] akan pupus, jadi buat *satu* [1] karnivallah kita panggil, Karnival Kuda Kepang. Jadi, keseluruhan Batu Pahat *ni* [ini] hampir-hampir lumpuh dalam tahun, tahun *tujuh puluhan* [70-an] lah. Hampir-hampir lumpuh! Seluruh kumpulan di daerah Batu Pahat *ni* [ini]. Itu kerana itu, pihak kerajaan sedar benda ini akan *tada* [tiada] sambutan dari masyarakat, jadi buat *satu* [1] Karnival Kuda Kepang di Batu Pahat. Itu adalah salah satu kumpulan *tu* [itu], saya termasuk saya punya kumpulan menyertai karnival. Apabila *dah* [sudah] lama *tak* [tidak] aktif. *Tiga* [3] tahun *tak* [tidak] aktif, dia tengok kuda semua sudah habis, dia punya semua *dah* [sudah] habis

rosak- *dah* [sudah] *tak* [tidak] nampak warna kuda. Apabila itu, kita jadi--- (batuk) Tapi sekarang. Puas hati. Dia baharui, dia pulihkan - (batuk) Dia pulihkan, dia cat, dia cantik lagi. Begitulah. Sama-sama menyertai karnival di Batu Pahat. Jadi masa *tu* [itu], dalam banyak-banyak pun, pakcik punya kuda ada ternampak- nampak cerah sikitlah dari kumpulan-kumpulan lain. Itulah. (Berdehem)

NFK : **Ok, pada tahun bila kumpulan kuda kepang sinar warisan ini ditubuhkan?**

NM : Ditubuhkan tadi itu zaman *sembilan puluhan* [90-an]. Itu nama kumpulnnya. Jadi, selepas kita dibuat--- selepas menyertai karnival di Batu Pahat, kumpulan *ni* [ini] terpilih untuk menyertai Karnival Antarabangsa di Johor Bahru selama *dua* [2] hari *dua* [2] malam (Batuk) menginap di hotel di Asrama Larkin [Negeri Johor] Padang Bola.

NFK : **Ok, pakcik seterusnya berapakah bilangan ahli kumpulan sinar warisan masa *tu* [itu]? Dan sekarang berapa pula?**

NM : Kumpulan *tu* [itu], ahli yang kekal sahaja, ahli yang aktif yang kita ambil, kita gunakan, ambil, iaitu dalam *lapan belas* [18] orang sahaja. Kalau dikira ahli, ramai. *Tak* [tidak] terkira. Pasal orang keluar masuk keluar masuk. Jadi kita ambil yang aktif sahaja selama *lapan belas* [18] orang.

NFK : **Kiranya pakcik memang dilantik menjadi ketua kumpulan sinar warisan ke macam *mane* [mana]?**

NM : Saya yang lantik pun rakan-rakan. (Batuk) Saya nak bangkang pun, *kata orang bangkang gewe* [Bahasa Jawa]. (Ketawa) Tidak - nak membangkang jadi ketua. Ini dilantik oleh rakan-rakan untuk menggantikan ketua- ketua yang *dulu* [dahulu] *tu* [itu] sudah penat. Jadi saya yang mengambil alih.

**NFK : Tahun berapa itu?**

NM : Tahun *tujuh pupuh satu* [1971]. Apabila mengambil ahli pun, semua benda *tu* [itu], masa *tu* [itu] diaorang zaman *dulu* [dahulu] kan, zaman saya *belom* [belum] masuk menceburi lagi dalam bidang itu, dia kira macam kerja. Ini hari kerja, mesti diminta duit. Ini hari ada main, esok hari diaorang sudah tunggu dekat tangga. Bukan banyak sangat pun, sekali pergi dalam *lima puluh sen* [RM0.50] sahaja. (ketawa) Pagi-pagi lagi *dah* [sudah] tunggu dekat tangga, nak *mintak* [minta] duit kuda. Malam tadi main kuda kepang. Bagi sahajalah, duit dia. Jadi apabila saya pegang ini pun, saya tengok nak memulihkan susah, sukar sangat sebab *tada* [tiada] duit. Cara mana kita nak menghidupkan, hendak mulakan kumpulan ini agar boleh pulih. Saya pun bincang dengan rakan-rakan pasal kita sudah *tada* [tiada] duit. Kita dijemput membuat persembahan mungkin ada baju yang cantik, ada seragam. Jadi, kita bincang nak kita cari duit cara mengambil upah, mengupah pada orang-orang kampung. Upah bancah ke, membajak ke. Janji dapat duit. Tapi alhamdullilah lah, semua budak-budak sudah setuju. Dalam masa *satu* [1] tahun, kita dapat memulihkan segala apa kesulitan. Baju diganti, yang rosak boleh dipulihkan. Daripada *tu* [itu] hasilnya dari kerja gotong-royong untuk mencari upah sebagai

dana untuk membiayai segala kesulitan dalam kumpulan.

NFK : **Adakah pakcik menjadikan bidang tarian kuda kepang *ni* [ini] sebagai pekerjaan sepenuh pakcik masa *tu* [itu]?**

NM : Tarian sebenarnya sebagai sambilan. *Tak* [Tidak] boleh diharapkan sangat. Kalaulah setahun, kita buat persembahan *enam* [6] kali, nak makan apa? Itu sebagai sambilan. Kita semua masing-masing ada kerja, kerja tetaplah. Kalau harapkan main tarian kuda, nak upah. *Nak* [hendak] makan apa? Kalau setahun hanya dapat tempahan, undangan *enam* [6] kali. *Satu* [1] kali katakan *lima ratus* [RM500], orangnya *dua puluh* [20]. Nak pergi itu *lima ratus* [RM500] kena sewa lori, sewa van. Tingal-tingal lebihlah dalam *seratus* [RM100] lebih sahaja. Lain-lain semuanya hangus. Itulah kita simpan [dahulu].

NFK : **Boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan macam *mane* [mana] kumpulan kuda kepang sinar warisan *ni* [ini] dikenali oleh orang ramai? Macam mana pakcik promosikan dia? Macam mana? Pakcik guna cari apa?**

NM : Dikenali ramai - betulnya dah banyak dibuat promosi. Cuma dibantu oleh wartawan-wartawan datang kerumah mewawancara. Kadang-kadang *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] datang, dia buat rakaman, *tu* [itu] dalam bidang *TV* [televisyen]. (Bunyi kerusi ) Adalah selalu dapat undangan daripada rakaman *TV* [televisyen], dari masyarakat yang mengenali Kuda Kepang Sinar Warisan di Batu Pahat sebagai pilihan masyarakat diseluruh Johor.

**NFK : Pada tahun bila yang betul-betul kumpulan Sinar Warisan ramai permintaan?**

NM : Yang meletop? Itu dalam tahun *sembilan puluh dua* [1992].

**NFK** : Tahun Sembilan puluh dua [92]? Tahun kita orang lahir.

NM : Dah lahir? Masa itu kumpulan terpilih- mewakili daerah Batu Pahat mengambil bahagian dalam Karnival Kesenian dan Kebudayaan seluruh- peringkat antarabangsa, kita buat di Johor Bahru. Masa itu kita- karnival *tu* [itu] buat perarakan sejauh *lima* [5] kilometer. Segala macam ada, dengan kita Melayu, India, China, Jawa. Semua ada. Daripada luar negara Indonesia dan juga Filipina, macam-macam. Masing-masing mengeluarkan dia punya kesenian dialah. Tarian. Jadi, *lepas* [selepas] *tu* [itu] kita masuk- *lepas* [selepas] *tu* [itu] masuk dalam tarian itu---perarakan, berjalan lebih kurang *lima kilometer* [5km] daripada Johor Bahru- Jubli Intan pusing sampai ke Pusat Bandar. Dengan main gendang, dengan berjoget, berlari, kan? Itu bahagian malamnya. Selain daripada itu (bayi menangis) Jabatan Kebudayaan buat *satu* [1] program- pertandingan kuda kepang tradisional seluruh negeri Johor. Jadi pun saya masuk- menyertailah pertandingan *tu* [itu]. Jadi masuk pertandingan *tu* [itu]- masuk. Apabila pertandingan, *empat* [4] kumpulan *je* [sahaja] yang keluar pada masa itu. Wakil Batu Pahat *satu* [1] kumpulan, daripada Segamat *satu* [1] kumpulan, Kota Tinggi *satu* [1] kumpulan dan Layang-layang *satu* [1] kumpulan. *Empat* [4] kumpulan. Bertanding dalam pertandigan. Apabila bertanding-*(bunyi cicak)* saya pun *tak* [tidak] mengharap benda itu menang. Oleh kerana dia

punya *leader* [ketua] panggil-panggil *dah* [sudah] lari balik, tinggal *leader* [ketua] yang nombor *dua* [2] yang bawa cemerti itu. Jadi perkara tengok sudah sumbang. Dengan tariannya sumbang, dengan bunyi muziknya sumbang. Memang *tada* [tiada] harapan dapatlah benda ini. Setelah tamat sahaja persembahan- pertandingan, jemaah penghakim- pengadil pun mengisytiharkan, kumpulan daripada ini- macam ini, macam ini. Kumpulan ini - macam ini, macam ini. Jadi saya *tak* [tidak] mengharapkan, saya lari. Untuk menanti keputusan saya lari daripada gelanggang *tu* [itu] dari stadium itu- saya pun lari. *Tak* [Tidak]- kata orang, tidak sampai hati mendengarkan keputusan. Jadi setelah diputuskan dia punya hakim, dibaca kumpulan Kuda Kepang Batu Pahat juara. Terkejut aku! (Ketawa) Itulah yang seronoknya. *Tak* [Tidak] ternilai walau dia punya hadiah tidak seberapa *tapi* [tetapi] hati puas.

NFK : **Pakcik kuda kepang yang digunakan dalam persembahan di hasilkan sendiri oleh pakcik sendiri ke? Ditempah?**

NM : Kuda yang kita buat dari semulajadi, kuda itulah yang dibawa kemana-mana dari awal-awal. Yang dibawa tadi, umur dia dari tahun *sembilan puluhan* [90-an], kita pulih. *Tiap-tiap* [setiap] kita pulihlah.

NFK : **Berapa jenis tarian yang dipersembahkan oleh kuda kepang sinar warisan? Dia ada berapa jenis? Ke sama *je* [sahaja] ?**

NM : Tarian itu sama *je* [sahaja], cuma pecahan langkah sahaja. Tarian sama, *step*

[langkah] nya sama sahaja.

NFK : **Berapa jumlah penari yang diperlukan setiap persembahan kuda kepang?**

NM : Penari *sembilan* [9] *je* [sahaja].

NFK : (Bunyi cicak) **Selain daripada penari dan kuda kepang, apakah peralatan yang perlu ada dalam setiap persembahan *ni* [ini]?**

NM : Peralatan dia geduk, gendang, angklong ada tiga [3], jidor dalam bahasa jawanya. Dalam bahasa melayunya dikenali rebana. Itu *je* [sahaja].

NFK : **Apakah jenis pakaian yang digunakan setiap persembahan? Maksudnya itu--- macam sama je ke?**

NM : Pakaian yang *tu* [itu] boleh ditukar ganti. Kita ikut tradisional. Apabila kita buat persembahan tradisional, kita mesti *nak* [hendak] sesuaikan dengan pakaian. Kalau pakaian tradisional, kita pakai dengan pakaian koboi, *tak* [tidak] kenalah. Dengan koboi, dengan stokin, dengan *track suit* [seluar sukan] *tak* [tidak] kena dengan konsep tarian tradisional. Jadi, saya punya kumpulan *tak* [tidak] tradisional, *tak* [tidak] moden sangat. Sedang-sedang. Sederhana. Kita tengok orang *tu* [itu] selesa orang tengok. Kalau berserabai orang tengok, *tak* [tidak] selesa.

NFK : **Adakah penari kuda kepang mengikuti kelas latihan?**

NM : Semestinyalah. Dalam tarian mesti diajar. Kalau *tak* [tidak] diajar, nanti masalah.

Payah - kelam-kabut nanti. *Satu* [1] ke timur, *satu* [1] kebarat.

**NFK** : **Selalunya berapa hari dia orang boleh mahir dalam tarian ini?**

NM : Tarian ini sekejap *je* [sahaja], dalam masa *dua* [2] hari sudah boleh. Cuma lembutkan kaki *je* [sahaja].

**NFK** : **Ok, pakcik. Saya nak tanya ye, betulkah tarian kuda kepang ini orang kata misteri?** *(suara orang berborak)*

NM : Benda *ni* [ini] benda kesenian. Kesenian dibawa dari tanah seberang, tanah Jawa *tu* [itu], mesti--- *tak* [tidak] semestinya ada tapi benda *tu* [itu] perlu kita bawa. Kalau *tak* [tidak] dibawa, benda misteri itu *tak* [tidak] diadakan, Orang *tak* [tidak] akan menyebut kita punya persembahan. Benda-benda begitu, orang *dah* [sudah] *tak* [tidak] minat *dah* [sudah].

**NFK** : **Ouh, kiranya benda itu yang menarik?**

NM : Iye, yang menarik. Macam tadi itu kan? Macam tadi itu tengok seronok tapi mengerunkan. (Ketawa) Saya sendiri pun gerun sebenarnya. (Ketawa) Takut, benda ini akan berlaku macam mana. Boleh pulihkan atau *tak* [tidak] ? Pakcik pun takut. Bukan suka-suka. *Tak* [tidak]. Berat tanggungjawab itu.

**NFK** : **Kira dalam persembahan kuda kepang ini, terdapat peraturan, pantang larang ke? Peraturan ke?**

NM : Semua jenis tarian, permainan ini, *tada* [tiada] pantang larang. *Tada* [tiada] pantang larang atau apa. *tada* [tiada]. *(Suara orang berbual)*

**NFK : Dia main *je* [sahaja]?**

NM : Boleh diberi main--- tarian. Kesenian rakyat---

**NFK :** *(Suara orang berbual)* **Apakah yang akan dilakukan sekiranya berlaku kerasukan dalam persembahan?**

NM : Macam tadi *tu* [itu] yea? Itu kita--- kebijaksanaan dia punya pengawal atau pemulih. Sama ada--- cara buat memulihkan. Kadang-kadang macam tadi *tu* [itu], kesilapan teknik *je* [sahaja]. Jadi benda *tu* [itu] terlalu agersif sangat. Keras. Terlonjat sana, terlonjat sini. Dedah sana, dedah sini. Kadang kesilapan (suara orang berbual) dia punya teknikal kita. Benda *tu* [itu] akan merasuk- bukan merasuk, merapu persembahan. Lari sana, lari sini tanpa arah tuju - hala tuju.

**NFK : Peranan tok bomoh atau pawang yang nak sembuh dia itu?**

NM : Itulah, peranan dia memulikanlah.

**NFK : Orang panggil dia tok bomoh?**

NM : Iyekan, bomoh itu pawang namanya.

**NFK : Kalau contohnya, *tak* [tidak] dapat dipulihkan, macam mana? Yang kerasukan**

**itu?**

NM : Kerasukan itu, terpaksa kita pulihkan. Terpaksa. Walau macam-macam mana pun mesti kita pulihkan.

**NFK : Pulihkan itu macam mana? Kita baca ayat-ayat?**

NM : Ayat-ayat apa-apa. Asalkan dia pulih. Minta bantuan lain.

**NFK : Macam mana kerasukan itu boleh terjadi sebenarnya?**

NM : Itu memang sudah semulajadi.

**NFK : Sebab dia terlampau khusyuk ke apa?**

NM : Terlampau khusyuk. Khusyuk, menghayati dia punya tarian, kadang sampai terlupa.(Suara orang berbual)

**NFK : Selalu, penari dengan pemain muzik *tu* [itu] sahaja, atau pun kadang-kadang ada orang yang tengok persembahan boleh kena juga?** (bunyi kerusi)

NM : Persembahan, yang kena itu orang- penari juga.

NFK : **Oh, kiranya macam penonton jaranglah? Ke memang *tada* [tiada]?**

NM : Penonton itu penari juga tapi lain kumpulan. Dia pun---

**NFK : Sebab dia penarilah dia kena rasuk? Kalau dia macam *tak* [tidak] penari, dia**

***tak* [tidak] kena rasuk?**

NM : Tidak.

**NFK : Saya nak tanya pakcik apa peranan tali itu tadi? Yang---**

NM : Fungsinya? Fungsinya tali cemerti itu (suara orang berbual) untuk mengawal gerak geri peserta- gerak geri penari yang berperanan mengawal benda *tu* [itu] jangan sampai keluar kawasan. Kalau keluar kawasan, kita akan panggil baliklah. Bila panggil balik, akan datang atau berpusing baliklah. Bunyinya "ceteh, cetor" [bunyi tali cemerti] yang bermakna "kau jangan keluar". Dia tahu, dia akan pergi balik. *Tu* [Itu] peranan dia.

**NFK : Yang pegang tali itu? Ketua ke? Maksud dia ketua dalam tarian?**

NM : Ya, ketua tarian.

**NFK : Persembahan tarian kuda kepang selalu dilakukan di mana? Maksudnya, Dari segi keluasan, berapa luas *tak* [tidak]? Kalau sempit boleh *tak* [tidak]?** *(bunyi cicak)*

NM : Kita gunakan apa itu- cara macam mana hendak mengatasi gelanggang yang kecik. Kita boleh buat halangan, *tada* [tiada] halangan. Pernah saya buat di Melaka di Ayer Keroh, apa nama tempat itu yang- tempat homestay (bunyi orang berdengkuh) dekat Ayer Keroh itu. Ada homestay, dia punya laman luas, ada laman. Jadi, laman dalam *enam* [6] kaki. Sini, dalam *enam* [6] kaki, sama. Cuma ada pokok bunga. Macam

mana kita hendak buat? Terpaksa kita agihkan penarinya. Sini *lima* [5] orang, sini *empat* [4] orang, sini *empat* [4]. Terpaksa kita duduk dekat tengah-tengah *je* [sahaja]. Jadi kita boleh buat. *Tak* [tidak] payah, *tak* [tidak] perlu menggunakan gelenggan sebesar mana.*(bunyi cicak)*

**NFK : Seterusnya, boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan dari mula sampai tamat persembahan tarian itu. Macam mana dia punya perjalanan dia? Mula-mula kena buat apa? *Pastu* [Selepas itu] buat apa?**

NM : Itu, kalau tarian mistik, lain dari yang lain kan? Kita patut buat, apa yang kita perlukan. *Satu* [1], jampi serapah itu *nak* [hendak] ada. Mentera *nak* [hendak] ada. Sebenarnya, drama itu tajuknya mentara mentari. Itulah semua. Mentera.

**NFK : Mentera? Memang kena ada?**

NM : Ya, kena ada. Kalau *tada* [tiada], *tak* [tidak] jadi. Tidak boleh sebarangan.

**NFK : Dia ada ayat-ayat dia ke apa?**

NM : Mesti ada ayat-ayat dia. *Tak* [Tidak] semestinya ayat itu dari Al-quran, *tada* [tiada]. Ayat Al-quran dengan "Bismillah" itu pun *tada* [tiada] Itu lain, tidak tahu apa ayatlah.

**NFK : Pakcik tidak tahu?**

NM : Tidak tahu.

NFK : **Selalunya yang buat *tu* [itu], siapa? Ketua ke apa?**

NM : Ayat pemulihan. Tok bomoh atau pawang. Tugas dia itulah, pandai menyeru datang main, *lepas tu* [selepas itu] pandai dia pulangkan balik. *Lepas* [selepas] habis main, dia pulangkan balik. *Tak* [tidak] boleh tunggu. *Tak* [tidak] boleh *tak* [tidak] pulangkan, *Tak* [tidak] boleh. Dia berhak ada dekat situ lagi, ada dekat situ, dia *tak* [tidak] akan balik. Mesti kita suruh balik dulu, mesti suruh balik. Kita panggil dia datang, balik kita hantar. Caranya begitulah, kalau kita *tak* [tidak] suruh pergi, dia *tak* [tidak] akan pergi. Mulalah meracau masyrakat kampung sebab benda *ni* [ini] datang, kita tidak suruh balik. Kadang-kadang terlupa. *(bunyi kertas diselak)*

NFK : **Dan seterusnya, dimanakah dan bilakah tarian kuda kepang ini selalunya dipersembahkan?**

NM : Itu bergantung pada yang mengundang. Kalau jabatan, yang jabatan-jabatan, macam ada *satu* [1] program, macam tadi *tulah* [itulah]. Program, macam programlah jadinya, kalau dipanggil, kebiasaan Program Kebudayaanlah. Ada *satu* [1] program selalu dipanggil pun ada.

NFK : **Antara persembahan Sinar Warisan pakcik ini yang telah lakukan? Contoh-contoh?**

NM : Macam tadi.

NFK : **Macam persembahan pembukaan ke? Perasmian ke? *Kat* [Dekat] mana?**

NM : Itulah, mana-mana. *Kat* [dekat] mana nak dibuat.

NFK : **Antaranya yang *dah* [sudah] dibuat?**

NM : Kalau orang Segamat buat, dia panggil, kita pergi. Kalau Johor panggil, kita datang. *(Bunyi kerusi)* Mana-mana, bebas. *Tada* [Tiada] terhad. Segamat ke, seluruh Johor ke boleh pergi.

NFK : **Boleh pergi?**

NM : Boleh pergi. *Satu* [1], adanya kos dia.

NFK : **Berapa anggaran persembahannya?**

NM : Kalau segamat, *dua ribu sahaja* [RM2000].

NFK : **Dia ada bahagikan ke? Luar pada Johor atau apa?**

NM : Iyelah, kalau luar dari Johor berapa? Pengangkutan berapa? Makan minum berapa? Elaun berapa? Kita kira. Kalau katakanlah, kos pengangkutan *satu* [1] biji van *lima ratus sahaja* [RM500] lah, *dua* [2] biji sudah *seribu* [RM1000] (bunyi cengkerik) Jadi nak pergi itu biasa budak-budak *ngeteh-ngeteh* [minum-minum], duit itu dikira juga. Pergi balik berapa. (Bunyi bayi menangis) Baru kita cas *satu* [1] hari berapa, *satu* [1] orang? Baru kita langsam *dua ribu* [RM2000].

**NFK** : **Oh, kiranya benda itu terjadi dulu, baru dibayar?**

NM : Baru dibayar. Kita buat kertas kerja, nanti kita *tak* [tidak] buat kertas kerja, dia punya jawapan *tak* [tidak] datang. Kadang-kadang gantung *pulak* [pula] nanti. *(bunyi cicak)* Itu bajetnya.

**NFK** : **Kalau macam untuk majlis perkahwinan?**

NM : Sama sahaja.

**NFK** : **Dia *tada* [tiada] anggaran bayaran yang ditetapkan?**

NM : *Tada* [tiada]. Pasal tambang pun sama sahaja. Sewa kereta pun sama. Sewa kereta van pun sama, kira hari.

**NFK** : **Bagaimana untuk mereka membuat tempahan tarian kuda kepang?**

NM : Sekarang ini kan mudah, zaman elektronik ini. Sekarang ini, *tak* [tidak] payahlah kau nak datang kereta nak tempah kuda kepang naik kereta. Jauhkan? Sekarang ini kan zaman ala-ala moden, konon-konon adalah *business*--- [perniagaan]. *This is my card* [ini adalah kad saya]. Itulah kemudahannya. Ada telefon, lagi-agi kata orang ada internet. Saya *tada* [tiada] internet. (Bunyi cengkerik) Saya pun *tak* [tidak] tahu apa itu internet. Apa itu. (Ketawa)

**NFK** : Okey pakcik, sesi ke*tiga* [3] pulak mengenai kuda kepang

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: MENGENAI KUDA KEPANG**

**NFK : Dari manakah pakcik mula membelajari seni pembuatan kuda kepang ini?**

NM : Pembuatan kuda kepang ini buat daripada tahun *dua ribu* [2000]. Tahun *dua ribu* [2000] baru terlintas nak buat produk kuda kepang. Itu pun atas sokongan daripada Jabatan Kebudayaan. Suruh kita buat, dan kita pun buatlah. Kita belajarlah dulu. Belajar dengan sendirinya dengan hati.

**NFK : Pergi khusus ke?** (bunyi berdengkuh)

NM : *Tada* [tiada] pergi khususnya. Belajar dengan hati cara macam mana nak buat kuda kepang. Kita belajarlah dengan perlahan-perlahan.

**NFK : Berapa jenis kuda kepang yang dihasilkan oleh pakcik? Dia ada jenis-jenis ke kuda kepang *tu* [itu]?** (bunyi berdengkuh)

NM : Kuda kepang itu *tada* [tiada] jenis. Cuma dia ada kecil, besar sahajalah. (Bunyi motor) Kalau besar dan sederhana buat tarian. Kalau kecil buat pameran, buat hiasan.

**NFK : Macam mana dengan corak *tu* [itu]?**

NM : Corak itu kita rekalah.

**NFK : Apakah peralatan dan bahan yang digunakan untuk membuat kuda kepang?**

NM : Peralatan sahaja, buluh. Buluh sahaja. (bunyi bayi menangis) Dipecah-pecah, diraut *je* [sahaja].

**NFK : Susah *tak* [tidak] untuk mendapat bahan, macam buluh *tu* [itu]?**

NM : (Bunyi bayi menangis) Sumber buluh sudah pupus. Sudah kurang sikit. Macam dulu *tada* [tiada] masalah. Mungkin akan datang, gunakan apa, *tak* [tidak] tahu untuk menganyam. Mungkin guna rotan, mengkuang kita *tak* [tidak] tahu. (Bunyi cicak) (Bunyi bayi menangis) Habis, buluh sudah *tada* [tiada].

**NFK : Adakah sukar untuk mendapat bahan macam rotan itu tadi?**

NM : Sekarang, zaman sekarang banyak kebun-kebun, kelapa sawit. *Dulu* [Dahulu] banyak buluh. Sekarang buluh jadi masalah sikit. Ada-ada juga, tapi susah *nak* [hendak] cari. Kita redah kampung orang ini cari buluh. Kita pun beli juga buluh itu, bukannya percuma. (Bunyi bayi menangis)

**NFK : Macam setiap peralatan kuda kepang itu kos dia tinggi atau *tak* [tidak]?**

NM : Sekarang kosnya tinggi. Saya jual itu pun *satu* [1] *dua ratus lima puluh* [RM250]. *Satu* [1] dengan kos itu.

**NFK : Pakcik menggunakan peralatan moden atau *tak* [tidak]? Macam mesin ke apa ke?**

NM : Sekarang mesin sudah *tada* [tiada], dulu adalah. Dulu adalah mesin buluh. Mesin

buluh untuk raut. Tapi sekarang sudah *tada* [tiada]. Kilang itu dah tutup. Terpaksalah kita gunakan kilang manual. *(Ketawa)* Dengan tangan *je* [sahaja].

**NFK** : **Hantar dekat orang atau buat sendiri?**

NM : Buat sendiri.

**NFK** : **Oh, lama? Berapa hari?**

NM : *Satu* [1] kuda dalam *lima* [5] hari.

**NFK** : (Bunyi cicak) (Bunyi orang gelak) **Pakcik mendapat sumbangan peralatan daripada mana-mana pihak? Ada *tak* [tidak]?**

NM : Kita mula-mula ada asas sikit iaitu sumbangan daripada jabatan digunakan sebagai asas. Asas itu masalah juga. Dengan asas tempat. Barulah kita minta peruntukan peralatan ke apa ke. Itu betulnya. Barulah ada perhatian, barulah dapat tajaan. Kalau cakap-cakap, (bunyi cicak) *tada* [tiada] asas susah juga nak minta.

**NFK** : **Kiranya dia *tada* [tiada] macam dia tengok, selepas itu dia bagi?**

NM : Tengok keadaan juga dibuat ke *tak* [tidak]. Tengok kalau macam daif sangat baru dia bagi macamlah tadi. Bengkel. Dulu *tada* [tiada] bengkel. Bawah pokok *je* [sahaja] buat.Bawah pokok *je* [sahaja] buat- barulah dia nampak tahu. Benda ini, jarang orang buat. Oleh kerana saya buat, dia datang kerumah, dibantu untuk sediakan bengkel itulah.

**NFK** : **Setiap anyaman kuda kepang itu, berapa anggaran kos yang diperlukan? Macam untuk cat dia? Buluh?**

NM : Dalam *dua puluh* [RM20] jugalah kos dia. Macam-macamlah itu, dengan tenaga kerja itu dikira. Kalau macam *dua puluh* [RM20] ke *seratus* [RM100].

**NFK** : **Untuk menghasilkan kuda kepang yang cantik, berapa masa yang diperlukan?**

NM : Lebih kurang *lima* [5] harilah.(Bunyi kerusi).

**NFK** : **Apakah jenis corak anyaman yang dihasilkan?**

NM : Kadang *tu* [itu], bergantung kepada cara zaman sekarang ini, corak dia. (Bunyi cengkerik) Kita reka juga, tapi orang pun minat juga kita punya corak. Dia *tak* [tidak] tahu apa benda itu. Dia tengok, "cantiklah kuda", dia beli, bayarlah. Bayarlah berapa. Bayar *tiga ratus* [RM300] lah dia bayar.

**NFK** : **Kadang ada orang tempah ikut corak dialah? Dia bagi corak ke?**

NM : *Tak* [tidak], dia *tak* [tidak] ada corak. Kita sendiri buat, kita rekakan.

**NFK** : **Setiap kuda kepang itu, lain-lain coraklah?**

NM : Ya, lain-lain corak. (Bunyi cengkerik)

**NFK** : **Bagaimana pula harga satu kuda kepang? Kalau besar, sederhana?**

NM : Kalau besar, *dua ratus lima puluh* [RM250]. Kalau sederhana *seratus lapan puluh* [RM180] ke *satu ratus lima puluh* [RM150]. Cenderahati dalam *lima puluh* [RM50] Susah. Cenderahati lagi susah daripada buat yang besar *tu* [itu]. (Bunyi cengkerik)

**NFK : Dia anyam jugak ke apa?**

NM : Namanya kepang yang bermaksud di anyam. (Ketawa)

**NFK : Adakah pakcik pernah terima tempahan khas daripada pengguna? Macam daripada menteri-menteri ke?**

NM : Sekarang *ni* [ini] tengok keadaanlah. Macam *tak* [tidak] berapa sangat, kuranglah (orang batuk) daripada pengguna, (bayi menangis) daripada menteri. Kadang-kadang adalah juga, *tak* [tidak] tentu. Kadang setahun sekali menteri minta kuda, kadang-kadang. Itu nasiblah.

**NFK : Contoh menteri yang pernah buat tempahan?**

NM : Menteri Kebudayaanlah. Saya pernah buat yang Pak Ngah punya *dua puluh* [20] ekor itu. Ha, Pak Ngah. Kuda apa, yang dekat *KL* [Kuala Lumpur] itu?

**NFK : Yang permain muzik tradisional itu kan?**

NM : Ha, Pak Ngah. Saya bekalkan *dua puluh* [20] ekor itu.

**NFK : Sekiranya pakcik banyak tempahan, adakah pakcik mempunyai pembantu**

**atau pekerja?**

NM : Setakat ini bengkel ini bukan lemah- tidak, oleh kerana bekalan *tu* [itu] masih ada, kita terpaksa cari kerja lain untuk mencari sumber duit. Kalau mengharapkan *tu* [itu], buat *je* [sahaja], kalau *tak* [tidak] laku masalah juga nanti. *Tu* [Itu] yang kita ambil sumber lain. Niaga ke apa ke.

**NFK : Pakcik ada pekerja lain ke yang tolong kalau banyak?**

NM : Dulu memang ada. Kalau sekarang nak panggil pekerja tempahan *tada* [tiada], apa nak bayar.

**NFK : Kalau macam tempahan banyak baru panggillah?**

NM : Kalau banyak- untuk membantu.

**NFK : Apa perasaan pakcik masa mula-mula dulu pakcik siapkan *satu* [1] kuda kepang itu? Perasaan.** (bayi menangis) **Macam teruja ke? Macam bangga ke? Siapkan *satu* [1], dululah masa mula-mula pakcik.**

NM : (Bayi menangis) Dia rasa seronoklah oleh kerana dapat apa yang kita hasilkan. Kita rasa seronokkan? *Tak* [tidak] akan bangga sangat. *Tak* [tidak] bangga pun. (ketawa) Sekadar untuk melepaskan, apa kata orang- sesak *je* [sahaja].

**NFK : Pakcik buat tempahan kuda kepang *tu* [itu], pakcik simpan *tak* [tidak] macam setiap yang pakcik buat itu sebagai kenang-kenangan ke?**

NM : Tiada simpan benda itu. Hantar sahaja. Hantar terus *kat* [dekat] orang, *tak* [tidak] payahlah pergi dari Johor ke Sungai Nibong ambil kuda. Tidak. Sekarang, kita kan ada kemudahan, kita ada posmen. Kita bergantung pada itu, sampai kerumah juga.

**NFK : Tadi pakcik ada cakap pakcik ada bengkelkan, bila bengkel itu ditubuhkan?** (bunyi cengkerik)

NM : Ditubuhkan pada tahun *dua ribu tiga* [2003]. Lebih kurang. Baru *je* [sahaja].

**NFK : Adakah pihak kraftangan memberikan sumbangan dalam penubuhan bengkel tersebut? Ke pakcik---**

NM : Kraftangan dulu selalu buat sumbangan, bantuan dari segi kewangan ke apa ke, ada. *Tapi* [tetapi] setakat ini sudah lama tidak hulur. *Tada* [tiada] suntikan. Jadi, kita semangat sudah luntur sikitlah. Tapi masih buat lagi.

**NFK : Dulu masa bengkel ditubuhkan pakcik guna duit pakcik sendiri ke?**

NM : Kita guna duit kita sendiri. *Lepas tu* [selepas itu], baru ada bantuan.

**NFK : Bila dah siap baru ada bantuanlah?**

NM : Sudah ada asas. (bayi menangis)

**NFK : Kat mana lokasi bengkel pakcik itu?**

NM : Belakang rumah *je* [sahaja], tepi rumah.

**NFK** : **Belakang rumah sahaja? Ini sebelah ini?** (Bayi menangis)

NM : Ha, iye.

**NFK** : **Oh, Apa yang - aktiviti-aktiviti yang dilakukan dekat bengkel itu?**

NM : Kalau kita ada tempahan, aktivitinya buat kuda. Kalau *tak* [tidak], duduk sahaja. *Menyagok* [duduk bual kosong]

**NFK** : **Macam tarian itu, buat dekat mana?**

NM : Tarian *kat* [dekat] laman. *Kat* [dekat] gelanggang.

**NFK** : (Bayi menangis) **Selain pakcik menghasilkan kuda kepang, apakah jenis kraftangan lain yang pakcik buat?**

NM : Setakat ini, saya buat- hanya dengan buat kelarai. Kelarai. Yang macam-macam itu. Yang belakang itu nama kelarai. Itu kadang-kadang ada juga orang tempah.

**NFK** : **Kelarai? Selalu kelarai ini digunakan untuk apa?**

NM : Digunakan untuk dinding-dinding. (bunyi cengkerik) Buat tampal *je* [sahaja]. Dinding buat tampal sahaja. Bukannya betul-betul.

**NFK** : **Macam perhiasanlah macam *tu* [itu]?**

NM : Iyelah, katanya.

NFK : **Pada pendapat pakcik apa perkara yang penting dalam menghasilkan sesebuah kraftangan?** (bunyi ketukan) **Perkara yang penting? Perkara yang perlu adalah? Macam sebelum kita hendak buat kraftangan itu, kita kena apa? Kena sabar ke?**

NM : Terujalah kita buat, itu apa itu--- kraftangan ye? Kraftangan pun ada bantu. Bantu dari segi kewangan, segi peralatan macam Kebudayaan juga. Dulu ada membantu dari peralatan juga. Suntikan, ada kan.

**NFK : Pakcik pernah terlibat dalam mana-mana aktiviti yang dianjurkan oleh kraftangan Malaysia, Johor ke?**

NM : Dulu banyak terlibat, bahagian kraftangan, di buat Karnival Kraftangan. Kita kena--- kalau dia panggil buat demo, kita pergi. Buat demotrasi buat kuda kepang selama setengah bulan dekat Johor, kita pergi. Jadi sekarang ini- bulan *lapan* [8] ini buat persembahan bukan Kraftangan orang panggil bukan buat kuda, main kuda dekat *KL* [Kuala Lumpur]. Dijemput main kuda, bukan buat kuda di bengkel, *tak* [tidak] *tapi* [tetapi] untuk menghiburkan orang- pengunjunglah.

**NFK : Pakcik sendiri pernah *tak* [tidak] anjurkan aktiviti dekat sini ke? Macam ajak orang masuk ke belajar tarian ke?**

NM : Hendak buat sesuatu aktiviti perlukan wang ringgit. Jadi, *tada* [tiada] wang ringgit, *tak* [tidak] boleh buat. Yang tadi *tu* [itu] dari jabatan. Di kasi kita buat, semua

ditanggung oleh jabatan.

**NFK** : **Pada pendapat pakcik macam mana untuk menarik minat golongan muda supaya dia berminat dengan seni kuda kepang?**

NM : Menarik budak-budak *ni* [ini] pun masalah juga. *Sepuluh* [10] orang, yang minat seorang. Itu kita kena--- cara nak dibelai dulu untuk main kuda, kadang-kadang payah juga. Tapi Alhamdullilah pasal ada lagi yang menyertai kumpulan ini.

**NFK** : (Berdehem) **Adakah pakcik pernah menyertai mana-mana pertandingan kuda kepang? Contoh-contohnya?**

NM : Itu tadi yang saya cakapkan tadi. Tahun (bayi menangis) *sembilan puluh tiga* [1993] pertandingan kuda kepang itulah. Kumpulan yang paling meletup. *Tada* [Tiada] melalui pertandingan, mungkin tidak meletup. Orang *taktahu* [tidak tahu].

**NFK** : **Setakat ini sudah berapa banyak pertandingan yang telah Sinar Warisan ini masuk?**

NM : Setakat ini, ada *dua* [2] pertandingan *je* [sahaja]. (Bayi menangis) Itupun, *tiga* [3] tahun lepas. Bertanding-tanding dapat nombor *tiga* [3]. Yang dulu dapat johan. Jadi, merosotlah *dua* [2] mata.(Ketawa)

**NFK** : **Bagaimanakah perasaan pakcik yang memenangi pertandingan yang *dulu* [dahulu] itu?** (bayi menangis)

NM : Itu tadi, perasaan saya gementar, takut. Takut kalau *tak* [tidak] berjaya. Tapi alhamdullilah. Sokongan rakan-rakan dan berjaya.

**NFK : Masa itu, berapa lama pakcik berlatih untuk masuk pertandingan itu?**

NM : Ya, seminggu. Lepas seminggu buat latihan, kami pengiringan berjalan seluruh dari kawasan daerah negeri Johor, (Bayi menangis) lebih kurang *lima kilometer* [5 km] kita berjalan. (Bayi menangis)

**NFK : Selain menyertai pertandingan, pakcik pernah *tak* [tidak] masuk pameran kuda kepang *kat* [dekat] mana-mana? Tayangkan dekat karnival kraftangan ke?** (Bayi menangis)

NM : Ada, kadang itu diarahkan oleh jabatan. (Bayi menangis) Dia datang dibawa, orang ikut. Kadang *dua* [2] hari, kadang seminggu. Dibawa kita buat demotrasi dekat Kraftangan. (Bunyi cicak)

**NFK** : (Bayi menangis) **Bila pameran itu berlangsung? Sudah lama ke? Baru ke?**

NM : Pameran tidak tentu, tengok bulan. Kalau di Johor, bulan *empat* [4], bulan *dua* [2].

**NFK : Memang *tiap-tiap* [setiap] tahun?**

NM : *Tiap-tiap* [setiap] tahun memang ada. Bukan semestinya *tiap-tiap* [setiap] tahun dijempu, tidak!

**NFK** : **Pakcik, dia dijemputlah?**

NM : Iye, jemput.

**NFK** : **Pernah *tak* [tidak] pakcik menghadiri program bagi menambahkan ilmu pengetahuan kraf tangan ke? Nak cuba kraftangan lain ke nak buat? Selain dari kuda kepang**

NM : Program itu ada. Program untuk memeriahkan apa itu- kumpulan. Itu sahaja.

**NFK** : *Kat* [dekat] mana?

NM : Dimana dibuat. Kalau kraftangan buat *Kat* [dekat] Johor, *Kat* [dekat] Angsanalah. Kalau dekat *KL* [Kuala Lumpur], dekat Jalan Congley itulah dibuat. Dibuat promosi. (Bunyi unggas)

NFK : **Pernah *tak* [tidak], stesen televisyen menjemput Kuda Kepang Sinar Warisan ini buat persembahan?**

NM : Kalau stesen *tak* [tidak] pernah. Kalau stesen datang kerumah, selalu.

**NFK** : **Oh, kesana *tak* [tidak] pernah?**

NM : Tidak pernah, jarang.

**NFK** : **Oh, selalunya pihak media macam TV3 [Sistem Televisyen Malaysia Berhad], TV1 [Radio Televisyen Malaysia] buat liputan persembahan dekat sinilah?**

NM : Ya, datang sini.

**NFK : Contoh *TV* [televisyen] apa yang selalunya datang sini?**

NM : *Tak* [tidak] tentu. Kadang *RTM* [Radio Televisyen Malaysia], kadang Al-Hijrah, TV9 [Saluran Televisyen Sembilan]. Tidak tentu yang mengambilnya itu. Dalam semua saluran *tv* [televisyen] sudah masuk. *TV* [televisyen] Hijrah masuk, *TV* [televisyen] apa itu - *RTM* [Radio Televisyen Malaysia], masuk. TV3 [Sistem Televisyen Malaysia Berhad] kadang itu masuk. Melalui drama kadang-kadang. Drama selingan, shoting drama. Saya pun masuk drama dulu. Ada. Drama pendek.

**NFK : Persembahan dalam filem ke? *Tada* [tiada]?**

NM : Dalam filem belum ada.

**NFK : Drama yang menggunakan khidmat tarian kuda kepang ini, bila itu? Bila dia?**

NM : Tahun lepas. Pada--- apa itu Syarikat Balang Rimbun. Penerbitan Dato' Johan Jaafar.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

## BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN PENGANUGERAAN

**NFK : Ok pakcik, sesi ke*empat* [4] pula. Pernah tak [tidak] pakcik mendapat tawaran menjadi duta kraftangan ke mana-mana?**

NM : Duta *ni* [ini] dalam domantik *je* [sahaja]. Jarang luar Negara. Belum ada perhatian

dari pihak jabatan belum ada perhatian. Jadi *tak* (tidak) ada perhatian mengembara kat kebun sekitar sendirilah. Halaman sendiri *aje* [sahaja].

**NFK : Apakah pencapaian tertinggi pakcik sepanjang menceburi bidang ini, dari dulu sampai sekarang?**

NM : Dia punya apa *tu* [itu]?

**NFK : Macam pakcik pernah dapat anugerah apa- apa ke?**

NM : Saya pon pernah *juge* [juga] mendapat anugerah membudayakan seni warisan Negara daripada jabatan kebudayaan di buat di Hotel Batu pahat. Itu saya dilantik sebagai Tokoh Warisan Hidup. Tokoh hidup kalau dah mati habislah (ketawa)

**NFK : Pada tahun bila tu [itu]?**

NM : Pada tahun *dua ribu lapan* [2008]. Itulah dapat tokoh warisan.

**NFK : Siapa? Siapa yang menyampaikan anugerah itu?**

NM : Yang menyampaikan pengarah kebudayaan Negeri.

**NFK : Pernah *tak* [tidak] pakcik menerima kunjungan daripada menteri-menteri macam timbalan pendana menteri ke masa *kat* [dekat] pameran?**

NM : Kalau buat lawatan Perdana Menteri ada *tapi* [tetapi] *kat* [dekat] Kraftangan *kat* [dekat] Conlay Kuala Lumpur. Ada lawatan kan dengan *PM* [Perdana Menteri]

orang lain kat lain-lain tiada kat kampung bisness *kecik* [kecil] je buatnya.

**NFK : Apa perasaan pakcik masa pakcik dapat anugerah tu [itu] dia bagitahu dulu ke masa tu (itu) ke tiba-tiba je dia bagitahu?**

NM : Dia anugerah *tu* [itu] di pilih. Di pilih dalam seluruh Johor siapa yang boleh dipilih sebagai tokoh. Saya asalnya menolak dijadikan tokoh. Benda saya belum layak lagi sebagai tokoh. *Sapa* [siapa] yang melantik tu memilih wak dah layak jadi tokoh. Jadi apabila *tu* [itu] saya terima *je* [sahaja] lah. Saya ingat tokoh *tu* [itu] macam mana? Sekali tokoh dapat surat. "Anda, tuan di perlukan hadir ini pada ini tempat untuk mendapat anugerah tokoh. Saya pun pergi. Pergi *tu* [itu] saya ingat tokoh ini apa. Rupanya *satu* [1] di buat di panggil pengiat-pengiat seni seluruh negeri Johor. Satu daerah *lima* [5] orang, seramai *lima* [50] orang untuk meraikan. Saya sendiri di lantik dianugerah sebagai tokoh. Saya *tak* [tidak] boleh tidur malam mengigil. Di buat di hotel Batu Pahat. "Di jemput En. Naim bin Marjani naik ke pentas, untuk membuat bicara tokoh". Kelam-kabut (ketawa). Jadi kita pun memberanikan diri lah, bila lagi kita *nak* [hendak] buat nak merasa benda- benda dalam impian dalam hatilah. Impian dalam hati bukan dalam luahan. Alhamdulilah, semua terlaksana. Jadi sebagai tokoh pun terlaksana, dapat anugerah ini tadi pun dah terima kenyataan. Benda *takde* [tak ada] cita-cita pun. Jabatan kebudayaan yang buat khursus di rumah ini. Langsung *tak* [tidak] terlintas. Tapi oleh kerana pegawai kebudayaan bahagian penyelidik seni di calonkan sini sebagai tapak membuat khursus *satu* [1] hari cara-cara menganyam

kuda, alhamdulilah. Sambutan sangat memuaskan dan meriah pada pagi pada *satu* [1] hari *ni* [ini] dan rasa teruja pihak jabatan yang mana beliau berjaya buat kelas, kelas anyaman *satu* [1] hari. Dia terkejut. Apabila dia datang, orang kampung datang pun dengan cara pasukan *RELA* [Ikatan Relawan Rakyat Malaysia] turun mengiringi, pasukan kompang turun menyambut, mengarak. Kumpulan silat pun datang, jadi kumpulan kuda barongan datang pun sama-sama menyertai. Dia sangat-sangat teruja. Di bandingkan dibuat di lain-lain daerah *takde* [tiada ada] sambutan macam *tu* [itu]. Jadi itu lah kelebihan orang kampung di sini untuk bersatu padu untuk sama-sama menyokong program-program masyrakat.

**NFK : Ok pakcik, masa pakcik dapat anugerah tokoh tu (itu), dia bagi apa? Maksudnya sijil perhargaan ke?**

NM : Anugerah tokoh ni kita berwawancara selama *satu* [1] jam. Dengan peserta. Bersoal jawab dengan peserta selama *satu* [1] jam. Alhamdulilah, segala soalan kita dapat atasilah. Jadi segala oleh-oleh buah tangan, oleh-oleh daripada jabatan dia *kasilah* [bagilah] *lima ratus* (RM500), dapat sijil dah itu *aje* [sahaja] Sijil Warisan Hidup. Kalau dah mati habislah (ketawa). Cuma *tu* [itu] lah *saje* [sahaja] yang kita impi-impikan, impian dalam hati *takde* (tiada) luahan, luahan hati orang tahu orang ketawakan kita, berangan. *Tak* [Tidak] pernah jadi tokoh berangan *saje* [sahaja] (ketawa)

**NFK : Ok pakcik, apa kenangan manis dengan kenangan pahit** *(ada gangguan, ada*

*orang kata balik balik)* **Kenangan kenangan manis dengan pahit yang pakcik lalui sepanjang sepanjang menceburi kuda kepang *ni* [ini] dari dulu sampai sekarang? Kenangan manis *dulu* [dahulu] lah.**

NM : Kenangan yang manis yang saya *tak* [tidak] dapat lupakan, saya sebagai orang kampung orang biasa, *satu* [1] masa saya di panggil dengan pegawai daerah *satu* [1] orang oleh kerana nak buat satu persembahan satu tempat untuk menyambut Kebawah Duli Sultan Tengku Mahkota masa itu. Jadi diaorang panggil saya *ni* [ini] dengan naik motor *je* [sahaja]. Naik moto bonceng dengan Encik Hamid tadi, pembantu aku. Sampai sana di sambut dengan pengawai daerah, Mukodi. Di *satu* [1] tempat diiring. Itulah kenangan manis, *tak* [tidak] pernah pun orang kampung di datang untuk sama-sama di sambut dengan pegawai-pegawai jabatan kerajaan. Saya rasa mengigil. Itulah, *tak* [tidak] *nyangka* [sangka], itu satu kenangan manis. Kalau selalu orang macam pegawai kerajaan datang *kat* [tidak] kampung kita yang *arak-arak* [berarak]. Masa *tu* [itu] saya datang pulak diiring disambut dengan dengan pegawai dengan kodinya, dengan *DO* [director officer] nya, untuk hanya menyatakan lokasi mana yang sesuai untuk buat tarian persembahan untuk Tuanku. Itulah yang kenang kenangan manis. *Satu* [1] lagi, ada lagi setengah manis.

**NFK** : Apa dia?

NM : *Satu* [1] masa saya_ _buat demontrasi cara-cara buat kuda di rumah limas di Johor Bharu. Masa *tu* [itu] ada satu *kanibel* [karnival] motivasi apa bahasa jepun.

*Tak* [Tidak] tahu apa ayat maksud dia. Tidur dekat rumah limas Batu Pahat. Tidur lah *patutnya* [sepatutnya] sehari *tak* [tidak] bagi hotel tidur lah rumah. Rumah *tu* [itu] tidur *dua* [2] orang. Apabila tidur, pagi ada *dua* [2] orang hamba Allah, *laki bini* (suami isteri). Turun, datang *je* [sahaja] ambik *sapu* [penyapu] sapu luar. Kenapa sapu *bang* [abang]"? "Tugas saya". "ini dari mana?" "Dari Batu Pahat". "Eh, jauh *noh* (sangat) datang sini cari kerja?" *(Ketawa)* "Selama ni kerja sini penghulu". Betulnya dia penghulu datang. Saya sebagai orang kampung jadi bos kat rumah *tu* [itu] jadi tauke. Yang tukang kebunnya penghulu. Tukang kemas, "eh tok! *Meh* [mari] saya kerja tok". "*Tak* [Tidak] boleh! *Tak* [Tidak] boleh! Jangan. Saya nanti dimarah *DO* [director officer] nanti". Yang jaga *DO* [director officer], tukang kebunnya tuan penghulu *laki bini* (suami isteri) *nyapu* [menyapu] dalam rumah yang saya duduk *tu* [itu]. Jadi saya pun rasa *tak* [tidak] senanglah. *Tak* [tidak] selesalah penghulu. Kita duduk dia menyapu. "*Takpe* [Tidak apa] tok saya *nyapu* [menyapu] tok". "Eh, *tak* [tidak] boleh!" *tak* [tidak] bagi betul. Rupanya takut *kat* [dekat] *ADO* [assistant director officer]. *ADO* [assistant director officer] itu jaga penghulu *nyapu* [menyapu] kerja. Jadi yang *ADO* [Assistant director officer] itu takut dengan *DO* [director officer] nya. Dia suruh tadi jaga pekerja. Yangs *DO* [director officer] takut dengan *MB* [Menteri Besar]. Itu benda itu berperingkat-peringkat. Tapi saya jadi bos jadi tauke *kat* [dekat] rumah tadi oleh kerana buat demontrasi cara buat kuda. Oleh kerana *MB* [Menteri Besar] *nak* [hendak] turun.

NFK : **Kenangan pahit *pulak* [pula] pakcik? Mesti ada kenangan pahit, cabaran-cabaran.**

NM : Ada. Kenangan pahit *tu* [itu] ada. Itu zaman *tujuh puluh tujuh* (1977). Saya ingat lagi. Masa *tu* [itu] saya nak buat promosilah konon-kononnya. Ada *satu* [1] program di Kuala Lumpur di Stadium Negara untuk meraikan perlancaran Pertubuhan Pesbana, Pertubuhan Seni Bangsawan Negara untuk belajarkan untuk siapa-siapa yang ingin sama menyertai, di jemput mohon. Mohon - dapat perhatian. Dapat panggilan suruh datang bersama-sama meraikan *satu* [1] program Pertubuhan Seni Bangsawan Negara untuk sama-sama menyertai mengambil bahagian. Saya pun tulis surat, tulis tangan *aje* [sahaja]. Masa dulu mana tulis bertaip. Tulis tangan. Baru dapat perhatian dapat jemput datang. Datanglah naik bas atar dari kampung. Masa *tu* [itu] saya pergi balik satu *lima puluh* (RM50) je bas nye, catar bas. Sampai sana saya cari lokasinya lepas tidur kebetulan kat kampung pandan. *(Bunyi pintu dibuka)* Kebetulan satu orang kata "Bukan dekat sini, kat Wisma Belia". Pergi *lepas* [selepas] itu jumpa tempat penginapan. Esoknya nak pergi sama-sama meraikan Pertubuhan Seni Bangsawan Negara sama menyertai mengambil bahagian. Berjaya, program ini berjaya. Malangnya, persembahan jadi *tapi* [tetapi] peminat kurang. *Takde* [tiada] penonton. Majlis besar *tu* [itu] *tapi* [tetapi] penonton takde [tiada] jadi persembahan jadi *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] berjaya tentang sambutan. *Lepas tu* [selepas itu], kita nak balik esok, nak balik bas *tak* [tidak] datang ambik. Balik lah lintang pukang cari hotel kena_ _ _ _, hotel yang bayar dialah penaja. Jadi kita

lintang pukang bas *tak* [tidak] datang *tak* [tidak] ambik. Jadi kelang kabut dengan budak-budak *tu* [itu] semua *nagis* [menangis] ada yang *nagis* [menangis] ada yang apa lah. *Nak* [Hendak] melintas jalan masa itu sesak. Kuala Lumpur jalankan sesak. Sampai di pimpin kawannya takut *nak* [hendak] melintas jalan takut, dipimpin. Lari ke Pudu Raya cari bas *nak* [hendak] balik. Masing-masing keluar tambang sendirilah. Lah ketuanya tertinggal (ketawa). *Tu* [itu] *satu* [1]. Balik dengan masing-masing kelang kabut, naik bas express *aje* [sahaja]. Dari *kl* [Kala Lumpur] sampai ke Semerah *ni* [ini] tiketnya baru *enam ringgit setengah* [RM6.50] masa itu. Jadi semua *tak* [tidak] berjaya. Nak promosi *tak* [tidak] jadi. Sampai *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] berjaya buat promosi. Dengan tambang sendiri korban duit, duit tabung. Masing-masing duit tabung untuk membiayai pergi Kuala Lumpur. Teringin nak_ _*kat* [dekat] Kuala Lumpur, jadi balik lintang pukang. Itulah yang saya kenangan pahit *sikit* [sedikit]. *Jaman* [zaman] tahun *tujuh puluh tujuh* [1977]. (batuk)

NFK : **Selain pada** (batuk) **pakcik menerima anugerah, ada *tak* [tidak] macam pihak-pihak kolej ke macam *u* [universiti] dia bagi pakcik anugerah selain pada kraftangan. Macam dia datang bagi pakcik jadi tokoh ke macam itu ada *tak* [tidak]?**

NM : Ada jugaklah. Apa tokoh *tu* [itu] ada *tapi* [tetapi] tokoh-tokoh *gitu* [begitu] *aje* [sahaja]. *Tapi* [Tetapi] *tak* [tidak] lah popular sangat.

**NFK** : **Contohnya macam mana?**

NM : Ye macam tadi contoh *tu* [itu], yang jadi tokoh warisan hidup *tu* [itu]. *Takde* [tiada] apa-apa habuan pun sampai sekarang *ni* [ini]. Janji ada habuan, akan dibayar bulanan sekian. Sampai sekarang *tak* [tidak] nampak pun benda *tu* [itu]. Sekadar nama *je* [sahaja] tokoh. Tapi yang ada dalam daripada itu ada dah dibuat ada tokoh yang betul-betul. Sekarang saya sedang menuntut, *nak* [hendak] *nuntut* [menuntut] bahagian tokoh sara hidup. Tapi sekarang ni [ini] belum dapat belum nampak bayang lagi *pasal* [sebab] dah janji mungkin ada habuan daripada jabatan (bunyi kertas) apa pelancongan dan warisan akan beri habuan tokoh. Setakat *ni* [ini] belum nampak lagi. Kita sabar *jela* [sahajalah].

**NFK** : **Pakcik puas hati *tak* [tidak] dengan pencapaian pakcik sekarang *ni* [ini]?**

NM : Pencapaian itu *nak* [hendak] kira puas hati tiada, manusia ini tiada puas hati. Kalau nak puas hati akan sendirinya menurun. Semangat dah tiada. Kita nak puas hati, *dah* [sudah] leka *dah* [sudah] lupa. Kalau selagi kita tarik selagi itu kita tiada puas hati. Kalau di bandingkan dengan lain-lain kumpulan itu dah menonjol semestinya. Kurang usaha. Bila tanya kita pun *tapi* [tetapi] keadaan itu kurang usaha sangat. Jadi benda itu susah nak naik. Bukan senang, *nak* [hendak] senang, susah. Banyak jatuh bangunnya. Bukan senang *nak* [hendak] senang bukan. Banyak cabaran. Perjuangan. Perjuangan tiada cabaran tiada semangat. Tiada cabaran *saje je* [biasa sahaja]. Kalau ada cabaran itu yang di tunggu-tunggu. Seboleh-boleh kita *nak* [hendak] cari.

**NFK** : **Macam dekat sini, banyak *tak* [tidak] kumpulan kuda kepang lain?**

NM : *Kat* [dekat] mana tu?

**NFK** : **Yang selalu bagi pakcik *cam* [macam] cabaranlah jugak macam persaing-persaing?**

NM : Persaingan? Saya lagi suka ada persaingan, itu *je* [sahaja]. Jadi kita semangat. Persaingan *takde* [tiada] *takde* [tiada] semangat. Ada pesaingan lagi bagus.

**NFK** : ***Kat* [dekat] sini adalah persaing?**

NM : *Kat* [dekat] sini *takde* [tiada]. Saingan *takde* [tiada]. Banyak saingan. Daerah *tu* [itu] banyak saingan *tapi* [tetapi] kadang kita kalau ada undangan daripada kampung-kampung yang berkenaan *tu* [itu] kadang kita dah malas nak ambik. *Tak* [tidak] laratlah nak layan. Dia permainannya, tengok macam tadi itu. Macam itu, itu *takde* [tiada] gangguan *tu* [itu]. Kalau ada gangguan sikit, saya rasa ini kali belum selesai lagi *ni* [ini]. Kalau ada gangguan. Itu tadi *takde* [tiada] gangguan.

**NFK** : **Contoh gangguan *tu* [itu]?**

NM : Contoh gangguan *tu* [itu] ini kata kita ada satu persembahan, contohnya pergi kampung kau segamat, *Pastu* [selepas itu] ada *lima* [5] kumpulan tau.

**NFK** : ***Lima* [5] kumpulan, maksudnya? Kumpulan kuda kepang yang lain?**

NM : Ada *lima* [5] kumpulan. Katakan ada *lima* [5] kampung. *Satu* [1] kampung *satu* [1] kumpulan. Kita buat persembahan mesti dia nak datang, dia nak tengok. Aura baru mesti nak *share* [kongsi]. *Nak* [Hendak] ikut campur. "Boleh *join* [ikut] tak?" Dia pun terima *je* [sahaja] *takkan* [tidak akan] kita *nak* [hendak] tolak, dia suka. Hah! Itu terjaga. Terima saja padahnya sampai *tiga* [3] pagi. Kadang-kadang *tak* [tidak] berhenti.

**NFK : Dia macam ini *dah* [sudah] kena *pastu* [selepas itu] ini pula ini pula macam itu?**

NM : Ikut kuasa masing-masinglah tunjuk kehebatannya. Persembahan dia, permainan dia tadi itu, kehebatan dia macam mana. Orang boleh buat *camni* [macam ini] kita boleh buat macam ini. Dah melalut-lalut *mainnya* [permainannya]. Ada hisap rokoklah, ada yang minumlah.

**NFK : Benda *tu* (itu) sebenarnya dia yang buat ke ataupun benda dah masuk?**

NM : *Dah* [Sudah] masuklah itu. *Dah* [Sudah] masuk macam-macam boleh berlaku.

**NFK : Contohnya macam tadi, yang kaca *tu* [itu]?**

NM : Itulah lah kelebihan dia itu je. Kelebihan persembahan dia. Kelebihan dia itu *je* [sahaja]. Apabila *satu* [1] kelebihan menjadi, lain cara nak buat tersendiri macam tadi. Yang_ _ _ _ _ itu kelebihan dia. Untuk melawan orang yang_ _ _ _ _ yang kurang hebat. Dia hebat lagi. Itu *aje* [sahaja] kehebatan dia.

**NFK : Dia benda itu benda yang berlainan lah. Yang ini lain, yang ini lain?**

NM : Lain. Macam sebat itu.

**NFK : Yang macam sebat *tu* [itu], dia sebat yang yang kena rasuk *tu* [itu], dia *takde* [tiada] rasa sakit ke?**

NM : Ye *tak* [tidak] sakit lah. Kalau sakit ye dia *tak* [tidak] *nak* [hendak].

**NFK : Tapi *lepas* [selepas] persembahan *tu* [itu]?**

NM : Sama *takde* [tiada] apa benda.

**NFK : *Tak* [tidak] rasa apa-apa?**

NM : (Mengiling)(ketawa) Kalau nak cuba tadi, *ngape* [kenapa] *tak* [tidak] *nak* [hendak] kau?(ketawa)

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5: PENDAPAT DAN PANDANGAN

**NFK : Ok pakcik sesi ke*lima* [5] pulak pasal pendapat dengan pandangan pakcik pula. Apakah cadangan pakcik untuk meningkatkan lagi kraftangan kuda kepang ini dengan tarian ini? Apa macam mana caranya meningkatkan lagi?**

NM : Kita nak capai kita usaha. *Nak* [Hendak] usaha nak lebih. Macam mana kita *nak*

[hendak] naikkan taraf kraftangan. Kraftangan bagaimana? Cara macam mana itu kita selalu di bantu oleh jabatan, macam tadi *tu* [itu] pejabat membantu kita *tu* [itu] untuk menaikkan taraf untuk di memartabatkan lagi kita punya kesenian itu dan cara pembuatan. Itu *aje* [sahaja].

NFK : **Pendapat pakcik adakah pihak media macam TV3 [Sistem Televisyen Malaysia Berhad], macam radio, surat khabar, memainkan peranan untuk meningkatkan dan memperkenalkan lagi kuda kepang ini?**

NM : Kalau surat khabar *tu* [itu] *dah* [sudah] kira selalu. Peranan surat khabar selalu wawancara pakcik dekat kraftangan. Selalu *kuar* [keluar] surat khabar. Utusan Malaysia, surat khabar berita harian, sinar, macam-macam. Ada enam [6]. *Nst* [New straits times] pun ada. Dia masuk. Itulah. Dari itu lah dia punya sokongan daripada pensyarah seluruh Malaysia ini, dia tahu pakcik ada tarian, pakcik ada pengetahuan tentang kuda kepang. *Satu* [1] masa dalam *dua* [2] bulan lepas itu, ada *satu* [1] orang daripada klang, (batuk) *talipon* [telefon], "Ini Pakcik Naim?" "Ye saya, *nape* [kenapa]?" "Nak cari kuda". "Nak buat apa?" "Nak buat pameran, ada *tak* [tidak]?" "Ah ada". *Lepas tu* [selepas itu] dah lama dia cari baru jumpa tengok internet *tu* [itu], nama, bengkel. Pukul *sembilan* [9] dapat *je* [sahaja], tempat, nama pakcik, pukul *dua belas* [12] dia bertolak dari Kuala Lumpur. Sampai sini pukul *enam* [6] pagi. Cuma nak cari kuda *je* [sahaja]. Itu satu rezeki lah *tak* [tidak] semena-mena dapat rezeki. Terbang saya punya kuda *lima* [5] ekor.

**NFK** : **Dia beli ke?**

NM : Dia beli. Rezeki lah. Itu lah daripada sokongan dari budak-budak yang masukkan dalam internet *tu* [itu]. Budak tadi *tulah* [itulah] yang masukkan dalam internet. Yang kau balas-balas. Budak itulah.

**NFK** : **Adakah pakcik setuju penglibatan belia ataupun generasi muda dalam seni kuda kepang ini penting?**

NM : Ye setuju, setuju sangat. Kebetulan pada masa *ni* [ini] ada yang minat dalam penglibatan dalam kesenian memang di alu-alukanlah. Kalau_ _ _ _ dicegah *je* [sahaja] dengan sendirinya kita akan pupus macam *tu* [itu]. Budak-budak muda sekarang *tak* [tidak] minat.

**NFK** : **Macam mana *nak* [hendak] menarik minat budak-budak muda generasi muda *ni* [ini]?**

NM : Kita *nak* [hendak] menarik_ susah, *nak* [hendak] *narik* [tarik] hati orang *nak* [hendak] memikat, susah. *Nak* [hendak] belai. Main-main. Kadang *mangil* [Bahasa Jawa] . Tahu *mangil* [Bahasa Jawa] l? (ketawa)

**NFK** : *Tak* [Tidak].

NM : *Tak* [tidak] tahu *mangil* [Bahasa Jawa]? (ketawa). Menolaklah. *Tak* [tidak] *nak* [hendak]. Itu pun kita jaga, penari-mari kita tu [itu] pun jaga. Takut kita kadang-kadang terlupa guna bahasa yang kasar-kasar tu [itu] takut. Takut budak itu

merajuk. Kalau budaknya merajuk, kita habislah. Kita jaga budak-budak *tu* [itu]. Jangan sampai dia merajuk. Kalau dia bosan, habislah. Itu pasal. Kita pun budak-budak main kita *tak* [tidak] bagi pun duit. *Tak* [tidak] kasi [bagi] duit pun. Lainlah kita main *kat* [dekat] luar, itu ada kos gaji. Itu baru kita *kasi* [bagi]. Kalau kawen-kawen *tak* [tidak] bagi. Kita simpan dulu. Kita agihkan masa *nak* [hendak] raya *je* [sahaja] biarkan *dulu* [dahulu].

NFK : **Macam tadi ada penari perempuan *tu* [itu], memang ada penari perempuan ke memang ada *dua* [2] je ke ataupun *patutnya* [sepatutnya] boleh ada banyak ke?**

NM : Penari perempuan sebetulnya ada *enam* [6] orang. Penari semua perempuan untuk sebagai persembahan biasalah. Untuk menyembah pengantin, pengantin ni gunakan penari perempuan. Kalau macam tadi itu, gunakan jugalah *tapi* [tetapi] untuk membantu menyukupkan ahli tarian atau penari-penari.

NFK : **Selalunya penari perempuan *ni* [ini] macam jarang- - -?**

NM : Sekarang sejak persekolahan *ni* [ini] mengalakkan supaya menceburi dalam kesenian. Ramai budak-budak perempuan yang berminat. Kadang-kadang ketagih juga bila main kuda kepang. Dah berasa *nak* [hendak] berkayal *tu* [itu] dia akan ketagih. Seronok. Datang seronok itu ada.

NFK : **Tapi selalu *tak* [tidak] penari perempuan kena rasuk?**

NM : Perempuan *takde* (tiada) kena rasuk. *Tak* [Tidak] digalakanlah.

**NFK : Macam mana *nak* [hendak] tahu dia ni [ini] boleh kena rasuk ke *tak* [tidak] boleh kena rasuk ke?**

NM : Kita boleh tahu boleh faham melalui watak-watak dia. Watak-watak_ _ _ boleh rasuk, *tak* [tidak] boleh rasuk, kita boleh tahu. Watak. Ada *satu* [1] watak. Tapi hari ini *takde* [tiada], *takde* [tiada] yang kena rasuk.

**NFK : Macam tadi saya nampak, kebanyakkan penari dia bukan budak muda lah, macam budak muda kurang. Macam mana pakcik kalau diaorang dah *takde* [tiada] nanti, yang pakcik-pakcik yang lain *tu* [itu] *sapa* [siapa] nak gantikan?**

NM : *Takde* [tiada] ganti tutup bukulah.

**NFK : Takkan *takde* [tiada] orang yang mewarisi?**

NM : *Takde* [tiada] warisan tutup buku. Peralatan hantar *kat* [hednak] muzium sana Johor. (ketawa*)*. Dah tiada *dah* [sudah]. Orang *dah* [sudah] *tak* [tidak] *nak* [hendak] sudah hantar terus simpan *kat* [dekat] muzium. Kita pun *dah* [sudah] lepas *dah* [sudah]. Senang hati. Tiada yang ditanggung. Tanggungjawab habis. Itu pening juga nak jadi ketua *ni* [ini] pening. Kadang-kadang kejap-kejap ada *telepon* (telefon), wak *kat* [dekat] sini *kat* [dekat] sini *kat* [dekat] sini. Kadang kita bosan juga lama-lama, Penat. Kalau *tiga belas* [13] kali, kita *dah* [sudah] *slow*

[perlahan] sikit. Hari-hari penat. Ini ada panggilan tempahan dari Johor Bharu, bulan depanlah. *Telepon* [telefon] *je* [sahaja]. Itu hari kat *Kl* (Kuala Lumpur), dia telefon *je* [sahaja] *tak* [tidak] *payah* (susah) dekat Conlay Pusat kraf. Itu dia main mistik. *Setengah jam* [30 minit] *je* [sahaja].

NFK : **Ok pakcik, apa pendapat pakcik tentang seni kuda kepang ini *lima* [5] tahun nanti *lima* [5] tahun akan datang? Apa akan terjadi dengan kuda kepang ini? Dikenali ke dilupai ke? Pakcik rasa macam mana tarian kuda kepang *ni* [ini] *lima* [5] tahun akan datang.**

NM : Saya rasalah selagi budak-budak muda sini minat untuk bergiat dalam seni, insyAllah kita sedaya upaya mengusahakan untuk meningkatkan untuk memartabatkan lagi warisan bangsa yang ada ini supaya dihormati masyarakat, daripada tidak dilupai oleh masyarakat. InsyAllah benda ini akan lebih cerah lagi pada masa kan datang.

NFK : **Ok akhir sekali, macam mana cara kita *nak* [hendak] tarik minat diorang *tu* [itu] supaya seni kuda kepang *ni* [ini] tahan lagi lama. Apa cara- cara untuk mengatasi?**

NM : Cara-caranya kita *nak* [hendak] menarik minat, kita jaga displin kita, kumpulan kita, jaga displin, tutur kata, jangan meninggi diri, *bio* [biar] merendah diri *takpe* [tak apa]. InsyaAllah, akan ada orang menghormati kita. Kalau kita cakap dengan tinggi diri, orang pun *taknak* [tidak hendak] dengar, bosan. *Tak* [tidak] minat.

Saya sendiri pun orang cakap dengan tinggi diri *tak* [tidak] minat *nak* [hendak] *dengo* [dengar]. *Tak* [Tidak seronok. Orang memuji diri sendiri daripada orang. Bukan diri kita yang nilai, yang nilai orang. Macam saya punya kumpulan juga, *tak* [tidak] nilai pun kumpulan saya hebat. *Tak* [tidak]. Yang nilai orang lain. Kalau dia nilai sendiri, itu bermaknanya syok sendirilah. Itu *saja* [sahaja]. Ok? Ada logik *tak* [tidak]?

NFK : **Betul. Ok pakcik Alhamdulilah tamat sudah temuramah kita pada hari ini. Terima kasih kami ucapkan kepada pakcik kerana sudi berkongsi dengan kami bercerita mengenai diri pakcik, kerjaya, pencapaian dan juga pandangan pakcik tentang seni kuda kepang ini. Terima kasih juga kerana sudi memberikan peluang kepada kami menemuramah bagi menyiapkan tugasan kami. Jasa dan budi pakcik hanya Allah yang mampu membalasnya. Sebelum kami mengakhiri wawancara hari ini, kami ada serangkap pantun. Kalau ada sumur di ladang, boleh kita menumpang mandi, kalau ada yg umur panjang, boleh kita berjumpa lagi.**

NM : InsyAllah. Saya pun *tak* [tidak] pandai pantun (ketawa). Saya pun cakap terima kasih yang sudi datang sini daripada pagi tadi. Saya sebenarnya saja uji minda (ketawa) yang datang *ni* [ini]. Ketahanan minda *tu* [itu] macam mana setakat, tahap mana. Saya memang biasalah. Kalau yang datang sini saya biasa uji dulu. *Tak* [tidak] semestinya "boleh- boleh, saya terangkan". *Takde* [tiada]. Saya *tak* [tidak] akan dedahkan saya punya kata orang apa kebolehan apa ke, *takde* [tiada].

Saya akan rahsiakan dulu. Saya uji dulu. Pernah, *satu* [1] hamba Allah datang. Dia *nak* [hendak] panjat *kat* [dekat] *kauntar* [kauter] Kebudayaan Negeri Johor itu dengan pengarah tadi yang datang tadi *tu* (itu)_ _ _ "Orang nak datang, nak jumpa pak Naim". "Pak Naim ada rumah malam ni?" "Ada". "Ada orang nak datang *ni* (ini)". Dia datang, malam *nak* [hendak] magrib, gelap *je* (sahaja) siapa yang datang *ni* [ini]. *Tak* [Tidak] perasan india. Perempuan. Daripada Universiti *kok lim kok weng* (Universiti Lim kok wing) Putrajaya. "Cik Naim?" "Ye saya, *apahal* [ada apa]?" "Saya mahu minta itu tolong Encik Naim itu cerita." "Apa cita [cerita]?" "Kuda kepang". "Eh saya *tak* [tidak] pandailah cerita kuda kepang. Kuda kepang *je* [sahaja] saya pandai main, cerita *tak* [tidak] tahu Story saya *tak* [tidak] pandai itu kebudayaan sana". "Eh kebudayaan kata asal sini Pak Naim punya". "Itu dia cakap. Saya pun *tak* [tidak] tahu. Main saya boleh okay. Kalau cerita, saya *tak* [tidak] pandai." Dia *nak* [hendak] *nagis* [menangis]. "Tolonglah Pak Naim tolong". "Oklah, naiklah". Saya temberang *je* [sahaja] bukan apa_ _ _ _ _ (bahasa tamil). "Dari pejabat dia itu bos *takkan* [tidak akan] *tak* [tidak] pandai cerita". "Dia kata *tak* [tidak] pandai. Itu datang sini". Saya pun terima, kesian. *Dah* [Sudah] malam. Macam awak juga, saya dera tadi jangan balik. Susah nak cari ilmu susah. Saya ingat, saya begitu juga dulu, susah. Nak pergi kuar [keluar] susah, pernah di maki orang, dikutuk orang. Macam macam. Tapi itu sebagai ujian. Saya terima *je* [sahaja]. Ujian orang *tak* [tidak] suka. *takkan* [tidak akan] kita *nak* [hendak]_ terima kasih *jelah* [sahaja lah]. *Tak* [Tidak] suka, berterima kasih. Dia *tak* [tidak] akan berkecil hati. Orang kutuk saya, saya *takkan* [tidak

akan] berkecil hati. Saya terima. Memang mungkin kesalahan kesilapan kita kan. Saya pun minta maaflah pada kamu sekelian. Jangan kecil hati. Memang terlatah saya macam ini. Dari semula jadi. Mungkin dari semula jadikan. Entah *sapa* [siapa] pun datang, pegawai pun saya *gitu* [begitu] saja jawapannya. Macam tadi pun *tak* [tidak] pandai. Tapi dia bisik-bisik. *Tak* [Tidak] sampai hati juga. Korek jugak rahsia tadi. Dari Sengarang *tu* [itu]. Itu cikgu *tu* [itu]. Jadi ambil apa itu lanjutan Kolej Yayasan Melaka. Banyak jugalah orang-orang yang datang *ni* [ini]. Saya pun *tak* [tidak] menyuruh orang datang. *Tak* [Tidak] mengharapkan orang datang. Saya pun risau juga takut keliru. Al-maklumlah orang. Saya *ni* [ini] memang *tak* [tidak] pandai *tak* [tidak] sekolah *dulu* [dahulu] dan jangan kecil hati. Saya pun *tak* [tidak] pandai. Kalau tadi ada sumur di ladang, saya saya pun *takde* [tiada] sumur sebenarnya (ketawa). Jadi terima kasih daun keladilah. Kalau datang InsyAllah kita boleh jumpa sebab kita boleh bincangkan. Doakan lah. Saya doakan semoga berjaya. Segala cita-cita daripada *kecik* [kecil], sebab orang yang cemerlang. Kalau *tak* [tidak] cemerlang *tak* [tidak] sampai sini. Kalau yang lembab-lembab duduk setakat darjah *enam* [6] *je* [sahaja] itukan. *Tak* [tidak] sampai ke puncak menara gading. Ini kira berjayalah ini. InsyAllah saya doakan.

NFK : Ok terima kasih Pakcik Naim. Assalamualaikum.

NM : Waalaikumsalam.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

# LAMPIRAN

# LOG WAWANCARA

Nurul Fetri dan Noor Azmah telah menemubual Encik Naim Bin Marjani, yang dilahirkan pada 1941, di Batu Pahat. Temubual dijalankan di rumah beliau di Sungai Nibong, Batu Pahat, Johor mengenai pengalaman beliau sepanjang penglibatan beliau didalam bidang kesenian kuda kepang ini selama hampir 18 tahun.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG** | | |
| 1.31 | Latar belakang tokoh | 1. Sungai nibong, Batu Pahat<br>2. Marjani<br>3. Ruminah |
| 5.09 | Latar belakang isteri tokoh | 1. Sidah bt Abdul<br>2. Kampung Sungai Nibong |
| 6.33 | Menyokong dalam bidang kuda kepang | 1. Jabatan Kebudayaan<br>2. Majlis Kebudayaan |
| 7.20 | Penglibatan anak-anak dalam kuda kepang semasa kecil | 1. Kuala Lumpur |
| **BAHAGIAN 2: MENGENAI TARIAN KUDA KEPANG** | | |
| 10.30 | Asal usul tarian kuda kepang | 1. Tanah Jawa, Indonesia |
| 11.13 | Pernapakan tarian kuda kepang di Johor | 2. Batu Pahat |
| 12.45 | Nama kumpulan tarian kuda kepang | 1. Kuda Kepang Sinar Warisan |
| 14.52 | Karnival Kuda Kepang | 1. Batu Pahat |
| 16.17 | Penginapan ketika menyertai Karnival Kuda Kepang | 1. Asrama Larkin Padang Bola |

| | | |
|---|---|---|
| 20.08 | Promosi berkaitan Kuda Kepang | 1. RTM |
| 32.01 | Persembahan di homestay | 1. Homestay di Ayer Keroh |
| 34.55 | Persembahan yang pernah dilakukan | 1. Segamat<br>2. Johor |
| **BAHAGIAN 3: MENGENAI KUDA KEPANG** | | |
| 44.21 | Membuat tempahan untuk orang kenamaan | 1. Menteri Kebudayaan<br>2. Pak Ngah |
| 46.13 | Pelanggan mengambil tempahan | 3. Sungai Nibong |
| 49.09 | Melakukan persembahan kuda kepang | 1. Kraftangan Malaysia<br>2. Kraftangan Johor |
| 53.04 | Menghadiri program untuk menambah ilmu tentang kraftangan | 1. Plaza Angsana, Johor<br>2. Jalan Kongley, Kuala Lumpur |
| **BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN PENGANUGERAAN** | | |
| 56.12 | Tawaran menjadi duta | 1. Dalam Negara (domanstik) |
| 56.38 | Pencapaian tertinggi sepanjang menceburi bidang kuda kepang | 1. Jabatan kebudayaan<br>2. Hotel Batu Pahat<br>3. Tokoh Warisan Hidup (2008)<br>4. Pengarah Kebudayaan Negeri |
| 57.43 | Menerima kunjungan menteri | 1. Jalan Conlay, Kuala Lumpur<br>2. Tun Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi |
| 58.07 | Mendapat anugerah. | 1. Hotel Batu Pahat<br>2. Kampung Sungai Nibong<br>3. Pegawai Kebudayaan Bahagian Penyelidik |
| 1.01.26 | Berkaitan dengan Anugerah Tokoh. | 1. Sijil Warisan Hidup |

| | | |
|---|---|---|
| 1.02.21 | Kenangan manis sepanjang menceburi seni kuda kepang. | 1. Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim ibni Sultan Iskandar<br>2. Encik Hamid<br>3. Kampung Sungai Nibong, Semerah<br>4. Rumah limas, Johor Bharu<br>5. Karnival Motivasi Bahasa Jepun<br>6. Menteri Besar Johor, Abdul Ghani Bin Othman |
| 1.06.08 | Kenangan pahit sepanjang mencebuti seni kuda kepang. | 1. Kuala Lumpur<br>2. Pertubuhan Seni Bangsawan Negara(PESBANA)<br>3. Stadium Negara<br>4. Kampung Pandan, Kuala Lumpur<br>5. Wisma Belia<br>6. Pehentian bas, Pudu Raya<br>7. Semerah, Batu Pahat |
| 1.09.58 | Mana-mana pihak seperti institusi pendidikan memberi anugerah tokoh. | 1. Jabatan Kementerian Perlancongan dan Kesenian |
| 1.11.18 | Berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi sekarang. | 1. Daerah |
| 1.12.23 | Persaingan kuda kedang. | 1. Segamat |
| 1.13.06 | Gangguan ketika tarian | 1. Jabatan Kesenian dan Kebudayaan, Johor |
| **BAHAGIAN 5: PENDAPAT DAN PANDANGAN** | | |
| 1.15.29 | Pendapat untuk meningkatkan lagi | |

| | | |
|---|---|---|
| | kraftangan kuda kepang serta tarian. | |
| 1.16.14 | Media masa memainkan peranan untuk meningkatkan lagi kesenian kuda kepang. | 1. Utusan Malaysia<br>2. Sinar Harian<br>3. New Straits Times<br>4. Sinar<br>5. Pensyarah<br>6. Internet<br>7. Klang, Selangor<br>Kuala Lumpur |
| 1.18.08 | Penglibatan belia atau generasi muda dalam seni kuda kepang. | 1. Muzium Johor<br>2. Kuala Lumpur<br>3. Pusat Kraftangan jalan Conlay, Kuala Lumpur |
| 1.18.37 | Menarik minat generasi muda | |
| 1.19.47 | Penari perempuan. | |
| 1.12.17 | Siapa yang akan mewarisi seni kuda kepang. | |
| 1.22.40 | Pendapat tentang seni kuda kepang lima tahun akan datang. | |
| 1.23.32 | Menarik minat generasi muda supaya seni kuda kepang tahan lama. | |
| 1.26.09 | Pengalaman di temu ramah | 1. University Lim Kok Wing<br>2. Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Johor |

# SENARAI SOALAN

## SOALAN BAHAGIAN PERTAMA

1 Apakah nama penuh pakcik?

2 Berapa umur pakcik sekarang?

3 Apakah nama bapa dan ibu pakcik?

4 Bilakah pakcik dilahirkan dan dimana?

5 Apakah pekerjaan ibu bapa pakcik?

6 Adakah mereka masih ada lagi?

7 Boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan tentang kehidupan kanak-kanak pakcik masa *dulu* [dahulu]?

8 Dimanakan pendidikan awal pakcik? Pakcik sekolah kat mana dulu?

9 Dulu pakcik bercita-cita nak jadi apa?

10 Kira garanglah dulu ayah pakcik?

11 Apakah nama isteri pakcik?

12 Isteri pakcik berasal dari mana?

13 Berapakah bilangan anak pakcik? Berapa lelaki, berapa perempuan?

14 Kalau anak pakcik semuanya perempuan, ada *tak* [tidak] yang mengikut jejak langkah pakcik dalam bidang seni kuda kepang ini?

15 Bilakah pakcik menceburi bidang kuda kepang ini? Seni kudang kepang ini?

16 Siapa yang mendorong pakcik?

17 Siapakah yang sentiasa menyokong dan sentiasa bersama pakcik ketika jatuh bangun pakcik sepanjang dalam kerjaya ini?

18 Sebelum anak pakcik semuanya berkahwin, ada *tak* [tidak] dia, macam mana nak cakap, dia terlibat dalam tarian ke?Habis siapa nak mewarisi?

19 Apakah matlamat dan prinsip hidup pakcik?

20 Pakcik pernah ditemuramah sebelum *ni* [ini]?

21 Sebelum pakcik menceburi bidang ini, pekerjaan pakcik selain daripada ini atau

sebelum pakcik masuk dalam bidang ini?

22 Kiranya pakcik ada kebun jugalah?

**SOALAN BAHAGIAN KEDUA**

23 Sejak bilakah pakcik meminati tarian kuda kepang ini?

24 Sudah berapa tahun pakcik dalam bidang tarian kuda kepang ini?

25 Boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan sedikit tentang tarian kuda kepang? Dari mana asalnya?

26 Kiranya tarian kuda kepang [ini] memang bertapak di Johor ataupun ada tempat lain?

27 Tempat yang spesifik? Contohnya macam Batu Pahat sahaja? Lain *tada* [tiada]?

28 siapa yang banyak mendorong pakcik semasa pakcik mula-mula nak masuk bidang tarian kuda kepang?

29 Bukan keturunanlah ini? Bukan - macam mana nak cakap?

30 Pakcik ada kumpulan ini kan? Kumpulan kuda kepang. Apakah nama dia?

31 Ada nama lain ke sebelum *ni* [ini]

32 Boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan sejarah Kuda Kepang Sinar Warisan. Macam mana boleh terbentuk?

33 Boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan?

34 pada tahun bila kumpulan kuda kepang sinar warisan ini ditubuhkan?

35 pakcik seterusnya berapakah bilangan ahli kumpulan sinar warisan masa *tu* [itu]? Dan sekarang berapa pula?

36 Kiranya pakcik memang dilantik menjadi ketua kumpulan sinar warisan ke macam *mane* [mana]?

37 Tahun berapa itu?

38 Adakah pakcik menjadikan bidang tarian kuda kepang *ni* [ini] sebagai pekerjaan sepenuh pakcik masa *tu* [itu]?

39 Boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan macam *mane* [mana] kumpulan kuda kepang sinar warisan *ni* [ini] dikenali oleh orang ramai? Macam mana pakcik promosikan dia? Macam mana? Pakcik guna cari apa?

40 Pada tahun bila yang betul-betul kumpulan Sinar Warisan ramai permintaan?

41 Pakcik kuda kepang yang digunakan dalam persembahan di hasilkan sendiri oleh pakcik sendiri ke? Ditempah?

42 Berapa jenis tarian yang dipersembahkan oleh kuda kepang sinar warisan? Dia ada berapa jenis? Ke sama *je* [sahaja] ?

43 Berapa jumlah penari yang diperlukan setiap persembahan kuda kepang?

44 Selain daripada penari dan kuda kepang, apakah peralatan yang perlu ada dalam setiap persembahan *ni* [ini]?

45 Apakah jenis pakaian yang digunakan setiap persembahan? Maksudnya itu --- macam sama je ke?

46 Adakah penari kuda kepang mengikuti kelas latihan?

47 Selalunya berapa hari dia orang boleh mahir dalam tarian ini?

48 . Saya nak tanya ye, betulkah tarian kuda kepang ini orang kata misteri? *(suara orang berborak)*

49 kiranya benda itu yang menarik?

50 Kira dalam persembahan kuda kepang ini, terdapat peraturan, pantang larang ke? Peraturan ke?

51 Apakah yang akan dilakukan sekiranya berlaku kerasukan dalam persembahan?

52 Peranan tok bomoh atau pawang yang nak sembuh dia itu?

53 Orang panggil dia tok bomoh?

54 Kalau contohnya, *tak* [tidak] dapat dipulihkan, macam mana? Yang kerasukan itu?

55 Pulihkan itu macam mana? Kita baca ayat-ayat?

56 Macam mana kerasukan itu boleh terjadi sebenarnya?

57 Sebab dia terlampau khusyuk ke apa?

58 Selalu, penari dengan pemain muzik *tu* [itu] sahaja, atau pun kadang-kadang ada orang yang tengok persembahan boleh kena juga?

59 Oh, kiranya macam penonton jaranglah? Ke memang *tada* [tiada]?

60 Sebab dia penarilah dia kena rasuk? Kalau dia macam *tak* [tidak] penari, dia *tak* [tidak] kena rasuk?

61 Saya nak tanya pakcik apa peranan tali itu tadi? Yang ---

62 Yang pegang tali itu? Ketua ke? Maksud dia ketua dalam tarian?

63 Persembahan tarian kuda kepang selalu dilakukan di mana? Maksudnya, Dari segi keluasan, berapa luas *tak* [tidak]? Kalau sempit boleh *tak* [tidak]?

64 boleh *tak* [tidak] pakcik ceritakan dari mula sampai tamat persembahan tarian itu. Macam mana dia punya perjalanan dia? Mula-mula kena buat apa? *Pastu* [Selepas itu] buat apa?

65 Mentera? Memang kena ada?

66 Dia ada ayat-ayat dia ke apa?

67 Selalunya yang buat *tu* [itu], siapa? Ketua ke apa?

68 dimanakah dan bilakah tarian kuda kepang ini selalunya dipersembahkan?

69 Antara persembahan Sinar Warisan pakcik ini yang telah lakukan? Contoh-contoh?

70 Macam persembahan pembukaan ke? Perasmian ke? *Kat* [Dekat] mana?

71 Antaranya yang *dah* [sudah] dibuat?

72 Berapa anggaran persembahannya?

73 Dia ada bahagikan ke? Luar pada Johor atau apa?

74 kiranya benda itu terjadi dulu, baru dibayar?

75 Kalau macam untuk majlis perkahwinan?

76 Dia *tada* [tiada] anggaran bayaran yang ditetapkan?

77 Bagaimana untuk mereka membuat tempahan tarian kuda kepang?

**SOALAN BAHAGIAN KETIGA**

78 Dari manakah pakcik mula membelajari seni pembuatan kuda kepang ini?

79 Pergi khusus ke?

80 Berapa jenis kuda kepang yang dihasilkan oleh pakcik? Dia ada jenis-jenis ke kuda kepang *tu* [itu]?

81 Macam mana dengan corak *tu* [itu]?

82 Apakah peralatan dan bahan yang digunakan untuk membuat kuda kepang?

83 Susah *tak* [tidak] untuk mendapat bahan, macam buluh *tu* [itu]?

84 Adakah sukar untuk mendapat bahan macam rotan itu tadi?

85 Macam setiap peralatan kuda kepang itu kos dia tinggi atau *tak* [tidak]?

86 Pakcik menggunakan peralatan moden atau *tak* [tidak]? Macam mesin ke apa ke?

87 Hantar dekat orang atau buat sendiri

88 Berapa hari?

89 Pakcik mendapat sumbangan peralatan daripada mana-mana pihak? Ada *tak* [tidak]?

90 Kiranya dia *tada* [tiada] macam dia tengok, selepas itu dia bagi?

91 Setiap anyaman kuda kepang itu, berapa anggaran kos yang diperlukan? Macam untuk cat dia? Buluh?

92 Untuk menghasilkan kuda kepang yang cantik, berapa masa yang diperlukan?

93 Apakah jenis corak anyaman yang dihasilkan?

94 Kadang ada orang tempah ikut corak dialah? Dia bagi corak ke?

95 Setiap kuda kepang itu, lain-lain coraklah?

96 Bagaimana pula harga satu kuda kepang? Kalau besar, sederhana?

97 Dia anyam jugak ke apa?

98 Adakah pakcik pernah terima tempahan khas daripada pengguna? Macam daripada menteri-menteri ke?

99 Contoh menteri yang pernah buat tempahan?

100 Yang permain muzik tradisional itu kan?

101 Sekiranya pakcik banyak tempahan, adakah pakcik mempunyai pembantu atau pekerja?

102 Pakcik ada pekerja lain ke yang tolong kalau banyak?

103 Kalau macam tempahan banyak baru panggillah?

104 Apa perasaan pakcik masa mula-mula dulu pakcik siapkan *satu* [1] kepang itu? Perasaan. Macam teruja ke? Macam bangga ke? Siapkan *satu* [1], dululah masa mula-mula pakcik.

105 Pakcik buat tempahan kuda kepang *tu* [itu], pakcik simpan *tak* [tidak] macam setiap yang pakcik buat itu sebagai kenang-kenangan ke?

106 Tadi pakcik ada cakap pakcik ada bengkelkan, bila bengkel itu ditubuhkan?

107 Adakah pihak kraftangan memberikan sumbangan dalam penubuhan bengkel tersebut?

108 Dulu masa bengkel ditubuhkan pakcik guna duit pakcik sendiri ke?

109 Bila dah siap baru ada bantuanlah?

110 Kat mana lokasi bengkel pakcik itu?

111 Belakang rumah sahaja? Ini sebelah ini?

112 Apa yang - aktiviti-aktiviti yang dilakukan dekat bengkel itu?

113 Macam tarian itu, buat dekat mana?

114 Selain pakcik menghasilkan kuda kepang, apakah jenis kraftangan lain yang pakcik buat?

115 Kelarai? Selalu kelarai ini digunakan untuk apa?

116 Macam perhiasanlah macam *tu* [itu]?

117 Pada pendapat pakcik apa perkara yang penting dalam menghasilkan sesebuah kraftangan? (bunyi ketukan) Perkara yang penting? Perkara yang perlu adalah? Macam sebelum kita hendak buat kraftangan itu, kita kena apa? Kena sabar ke?

118 Pakcik pernah terlibat dalam mana-mana aktiviti yang dianjurkan oleh kraftangan Malaysia, Johor ke?

119 Pakcik sendiri pernah *tak* [tidak] anjurkan aktiviti dekat sini ke? Macam ajak orang masuk ke belajar tarian ke?

120 Pada pendapat pakcik macam mana untuk menarik minat golongan muda supaya dia berminat dengan seni kuda kepang?

121 Adakah pakcik pernah menyertai mana-mana pertandingan kuda kepang? Contoh-contohnya?

122 Setakat ini sudah berapa banyak pertandingan yang telah Sinar Warisan ini masuk?

123 Bagaimanakah perasaan pakcik yang memenangi pertandingan yang *dulu* [dahulu] itu?

124 Masa itu, berapa lama pakcik berlatih untuk masuk pertandingan itu?

125 Selain menyertai pertandingan, pakcik pernah *tak* [tidak] masuk pameran kuda kepang *kat* [dekat] mana-mana? Tayangkan dekat karnival kraftangan ke?

126 Bila pameran itu berlangsung? Sudah lama ke? Baru ke?

127 Memang *tiap-tiap* [setiap] tahun?

128 Pakcik, dia dijemputlah?

129 Pernah *tak* [tidak] pakcik menghadiri program bagi menambahkan ilmu pengetahuan kraf tangan ke? Nak cuba kraftangan lain ke nak buat? Selain dari kuda kepang

130 Pernah *tak* [tidak], stesen televisyen menjemput Kuda Kepang Sinar Warisan ini buat persembahan?

131 Selalunya pihak media macam TV3, TV1 buat liputan persembahan dekat sinilah?

132 Contoh *TV* [televisyen] apa yang selalunya datang sini?

133 Persembahan dalam filem ke? *Tada* [tiada]?

134 Drama yang menggunakan khidmat tarian kuda kepang ini, bila itu? Bila dia?

**SOALAN BAHAGIAN KEEMPAT**

135 Pernah *tak* [tidak] pakcik mendapat tawaran menjadi duta kraftangan ke mana-mana?

136 Apakah pencapaian tertinggi pakcik sepanjang menceburi bidang ini, dari dulu sampai sekarang?

137 Macam pakcik pernah dapat anugerah apa- apa ke?

138 Pada tahun bila *tu* [itu]?

139 Siapa yang menyampaikan anugerah itu?

140 Pernah tak pakcik menerima kunjungan daripada menteri-menteri macam timbalan pendana menteri ke masa kat pameran?

141 Apa perasaan pakcik masa pakcik dapat anugerah *tu* [itu] dia bagitahu dulu ke masa *tu* (itu) ke tiba-tiba je dia bagitahu?

142 Masa pakcik dapat anugerah tokoh *tu* (itu), dia bagi apa? Maksudnya sijil perhargaan ke?

143 Apa kenangan kenangan manis dengan pahit yang pakcik lalui sepanjang sepanjang menceburi kuda kepang *ni* [ini] dari dulu sampai sekarang? Kenangan manis dulu lah.

144 Kenangan pahit *pulak* [pula] pakcik? Mesti ada kenangan pahit, cabaran-cabaran.

145 Selain pada pakcik menerima anugerah, ada tak macam pihak-pihak kolej ke macam *u* [university] dia bagi pakcik anugerah selain pada kraftangan. Macam dia datang bagi pakcik jadi tokoh ke macam itu ada tak?

146 Pakcik puas hati tak dengan pencapaian pakcik sekarang *ni* [ini]?

147 Macam dekat sini, banyak tak kumpulan kuda kepang lain?

148 Yang selalu bagi pakcik *cam* [macam] cabaran lah jugak macam persaing-persaing?

149 Kat sini ada lah persaing?

150 Contoh gangguan *tu* [itu]?

151 Lima kumpulan, maksudnya? Kumpulan kuda kepang yang lain?

152 Dia macam ini dah kena *pastu* [selepas itu] ini pula ini macam tu?

153 Benda *tu* (itu) sebenarnya dia yang buat ke ataupun benda dah masuk?

155 Contohnya macam tadi, yang kaca *tu* [itu]?

156 Yang macam sebat *tu* [itu], dia sebat yang yang kena rasuk *tu* [itu], dia *takde* [tiada] rasa sakit ke?

157 Tapi lepas persembahan *tu* [itu]?

**SOALAN BAHAGIAN KELIMA**

158 Apakah cadangan pakcik untuk meningkatkan lagi kraftangan kuda kepang ini dengan tarian ini? Apa macam mana caranya meningkatkan lagi?

159 Pendapat pakcik adakah pihak media macam tv3, macam radio, surat khabar, memainkan peranan untuk meningkatkan dan memperkenalkan lagi kuda kepang ini?

160 Adakah pakcik setuju penglibatan belia ataupun generasi muda dalam seni kuda kepang ini penting?

161 Macam mana nak menarik minat budak-budak muda generasi muda *ni* [ini]?

162 Macam tadi ada penari perempuan *tu* [itu], memang ada penari perempuan ke memang ada dua je ke ataupun *patutnya* [sepatutnya] boleh ada banyak ke?

163 Macam mana nak tahu dia *ni* [ini] boleh kena rasuk ke tak boleh kena rasuk ke?

164 Macam tadi saya nampak, kebanyakkan penari dia bukan budak muda lah, macam budak muda kurang. Macam mana pakcik kalau diaorang dah *takde* [tiada] nanti, yang pakcik-pakcik yang lain *tu* [itu] *sapa* [siapa] nak gantikan?

165 Takkan *takde* [tiada] orang yang mewarisi?

166 Apa pendapat pakcik tentang seni kuda kepang ini lima tahun nanti lima tahun akan datang? Apa akan terjadi dengan kuda kepang ini? Di kenali ke di lupai ke? Pakcik rasa macam mana tarian kuda kepang *ni* [ini] lima tahun akan datang.

167 Macam mana cara kita nak tarik minat dieorang *tu* [itu] supaya seni kuda kepang *ni* [ini] tahan lagi lama. Apa cara- cara untuk mengatasi?

# GAMBAR




**Gambar 1: Ketibaan di rumah En. Naim bin Marjani (hari pertama)**



**Gambar 2: Pemberian buah tangan kepada En. Naim bin Marjani**



**Gambar 3: Alat muzik yang digunakan semasa persembahan**



**Gambar 4: Tarian kuda kepang**



**Gambar 5: Ketua tarian memegang tali cemerti**



**Gambar 6: Penari yang dirasuk menunjukkan kehebatanya**



**Gambar 7: Pemberian Plak sebagai Penghargaan (hari kedua)**



**Gambar 8: Gambar kenangan bersama Encik Naim Bin Marjani**



MAHIR...Naim menunjukkan kuda kepang hasil tangannya.

# Lonjak kembali kuda kepang

JOHOR BAHRU: Minat mendalam untuk menjadi penari kuda kepang sejak berusia 18 tahun, membantu seorang warga emas, Naim Marjani, 71, membuka sebuah bengkel tarian dan kelas membuat kuda kepang membabitkan pelajar pelbagai peringkat usia.

Malah, selama 12 tahun menguruskan bengkel kuda kepang melalui usahanya, Naim berjaya menaikkan semula nama tarian kuda kepang setanding tarian zapin.

Naim berkata, tarian itu kurang mendapat perhatian remaja kawasan bandar berikutan kebanyakan remaja menyukai tarian barat.

Dia dibantu cucu angkatnya, Salina Behlran, 22, dari Batu Pahat membantu menguruskan kerja membuat kuda kepang.

>LIHAT MUKA 2

KUDAKEPANGSINARWARISANBLOGSPOT.COM

Gambar 9: Keratan Surat Khabar



# Dialog Pendidikan Nasional

PAGOH 3 Mac - Kementerian Pelajaran akan memulakan siri jelajah Dialog Pendidikan Nasional ke seluruh negara pada bulan depan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan pelbagai pihak dalam menambah baik sistem pendidikan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, satu kajian telah dilakukan sejak tahun lalu dalam usaha menilai sama ada sistem pendidikan negara mencapai matlamat bagi melahirkan rakyat yang terdidik dengan ilmu berkualiti.

KUDAKEPANGSINARWARISANBLOGSPOT.COM

Gambar 10: Keratan Surat Khabar




**Gambar 11: Sijil Kraf Warisan Kuda Kepang**




**Gambar 12: Gambar bersama Perdana Menteri ke-4**




**Gambar 13: Bersama Tengku Mahkota Johor**




*BICARA TOKOH SENI DAN WARISAN 2007*

**Gambar 14: Bicara Tokoh dan Warisan 2007**



**Gambar 15: Encik Naim bin Marjani bersama kuda kepang**

# INDEKS


*A*

**Anugerah** · 9, 51, 52, 53, 57, 72, 73, 81
**Anyaman** · 11, 41, 52, 79

*B*

**Bahan** · 38, 39, 78
Batu Pahat · 4, 9, 22, 23, 24, 26, 27, 52, 54, 71, 72, 73, 76
**Bayaran** · 37, 78
**Bengkel** · 9, 40, 43, 44, 45, 46, 62, 79, 80
**Bilangan** · 17, 24, 75, 76
**Bomoh** · 31, 35, 77

*C*

**Corak** · 38, 41, 78, 79

*D*

Demontrasi · 54

*G*

**Gangguan** · 53, 59, 81
**Generasi** · 63, 74, 82

*H*

Halangan · 33

*J*

Jabatan · 18, 20, 35, 40, 46, 48, 50, 51, 52, 53, 54, 58, 61
Jawa · 11, 15, 21, 25, 27, 30, 63, 71
**Johor** · 4, 9, 21, 24, 26, 27, 36, 44, 46, 48, 49, 52, 54, 65, 67, 71, 72, 73, 74, 76, 78, 80, 89

*K*

**Karnival** · 23, 24, 27, 48, 54, 80
Karnival · 23, 24, 27, 46, 71, 73
Kebudayaan · 51, 52, 67, 72
**Kelarai** · 45, 80
**Kenangan** · 43, 53, 54, 56, 79, 81, 86
**Kerasukan** · 31, 32, 77
**Kerjaya** · 2, 4, 14, 18, 67, 75
Kesenian · 27, 30, 31, 73, 74
**Kraftangan** · 9, 44, 45, 46, 48, 49, 50, 57, 61, 62, 72, 73, 79, 80, 81, 82
Kuda Kepang · 2, 4, 9, 11, 12, 14, 18, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 33, 35, 37, 38, 39, 41, 43, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 53, 59, 61, 62, 63, 64, 66, 67, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 84, 90

*M*

**Menteri** · 42, 51, 72, 79, 81
**Minat** · 9, 19, 23, 30, 41, 47, 63, 66, 74, 80, 82
Misteri · 30, 77
**Muzik** · 32, 42, 77, 79, 84

*N*

Nibong · 4, 9, 15, 44, 71, 72, 73

*P*

**Pakaian** · 12, 29, 77
**Pameran** · 38, 48, 51, 62, 80, 81
**Pandangan** · 2, 4, 14, 61, 67
**Pekerjaan** · 15, 20, 26, 75, 76
**Pembuatan** · 38, 61, 78
**Penari** · 9, 11, 12, 29, 32, 33, 63, 64, 65, 77, 82

**Pencapaian** · 2, 4, 14, 51, 58, 67, 73, 81
**Pendapat** · 4, 14, 46, 47, 61, 66, 80, 82
**Peralatan** · 29, 38, 39, 40, 46, 77, 78, 79
Peringkat · 9, 11, 27, 54
Persaingan · 59, 73
**Persembahan** · 11, 12, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 34, 35, 36, 46, 49, 54, 56, 59, 60, 61, 64, 72, 77, 78, 80, 81, 82, 84
**Pertandingan** · 27, 47, 48, 80
**Pesbana** · 56
**Promosi** · 26, 49, 56
**Promosikan** · 26, 76

## R

**Rasuk** · 32, 61, 64, 65, 77, 82

## S

**Seni** · 2, 9, 11, 14, 18, 38, 47, 51, 52, 63, 66, 67, 73, 74, 75, 78, 80, 82
**Sinar Warisan** · 12, 24, 26, 28, 76, 77
**Sinar Warisan** · 2, 4, 9, 14, 22, 23, 26, 27, 35, 47, 49, 71, 76, 78, 80
**Sumbangan** · 40, 44, 79
Surat Khabar · 62, 82

## T

**Tali** · 33, 77, 85
**Tarian** · 4, 9, 11, 12, 14, 19, 20, 21, 22, 23, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 37, 38, 45, 46, 50, 54, 61, 62, 64, 66, 71, 73, 75, 76, 77, 78, 80, 81, 82, 85
**Televisyen** · 20, 26, 49, 50, 80, 81
**Tempahan** · 26, 37, 42, 43, 45, 65, 72, 78, 79
**Temuramah** · 14, 20, 67
**Tokoh** · 4, 14, 51, 52, 53, 57, 58, 71, 73, 81

## U

**Universiti** · 16, 57

## W

**Warisan** · 9, 51, 58, 65, 66

# SURAT PERJANJIAN

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Machang, Kelantan

## PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yanq telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan **En. Naim Bin Marjani** Pada **12 April 2014**

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -
   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .................. (tarikh). Dipersetujui pada ...................... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.............................................

En. Naim Bin Marjani

Pengkisah

.............................................

Dr. Hj. Ghazali Bin Osman,

Ketua Pusat Pengajian,

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Kelantan.